

ANTI LDP DI JEPUN DAN PAKATAN RAKYAT DI MALAYSIA : PERSAMAAN DAN PERBEZAAN ¹

Saiyid Radzuwan Syed Sopi
Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh (PPPJJ)
Universiti Sains Malaysia
11800 Minden
Pulau Pinang
04-6535946 (pej) / 014-241-1754 (HP)

Saiyid Radzuwan bin Syed Sopi (Ph.D) – pensyarah di Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh, USM Pulau Pinang. Kepakaran saya dalam bidang parti politik Jepun, pembangunan politik Malaysia, ekonomi politik serta bahasa dan budaya Jepun.

Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti apakah persamaan dan perbezaan yang terdapat pada kerajaan gabungan anti LDP di Jepun dan Pakatan Rakyat (PR) di Malaysia. Fokus kajian ini ialah untuk mengenal pasti bagaimana kerajaan gabungan menyusun strategi, melakukan perancangan yang strategis, mengumpul kekuatan dan menjalinkan kerjasama dengan parti-parti politik yang lain agar kehebatan mereka sebagai parti alternatif digeruni, boleh memberi saingan hebat kepada parti pemerintah dan disanjung oleh rakyat. Namun, kehebatan kerajaan gabungan sama ada yang berlaku di Jepun atau Malaysia hanya indah di luaran sahaja dan bahagian dalamnya penuh dengan persengketaan, konflik, perebutan kuasa dan pertelingkahan sesama sendiri. Secara dasarnya, kuasa boleh ditakrifkan sebagai nadi utama dalam bidang politik dan dengan adanya kuasa, maka seseorang itu boleh menguasai diri orang lain atau dalam contoh lain, sesebuah kumpulan itu boleh memastikan kumpulan lain menurut arahnya. Fokus utama dalam kehidupan seharian ahli politik ialah bagaimana caranya hendak menjatuhkan lawannya sama ada dengan cara yang halal atau sebaliknya. Sehubungan dengan itu, hasil kajian ini mendapati bahawa banyak persamaan berbanding perbezaan yang berlaku antara kerajaan gabungan anti LDP dengan PR. Aktor politik sama ada daripada kerajaan gabungan anti LDP atau PR akan melakukan suatu perbuatan di luar konsensus dan tindakan tersebut boleh menjejaskan ikatan gabungan.

Kata kunci : kerajaan gabungan, strategi, persengketaan, konsensus dan ikatan gabungan

ANTI LDP IN JAPAN AND PAKATAN RAKYAT IN MALAYSIA : SIMILARITIES AND DIFFERENCES

Saiyid Radzuwan Syed Sopi (PhD)

ABSTRACT

The objective of this research is to identify whether there are any similarities and differences between the anti LDP coalition government and Pakatan Rakyat (PR) in Malaysia. The focus of this research is to identify how the coalition government strategize and gather strength to foster cooperation with the different political parties to ensure their intension as an alternative party is feared and also to be a competitor with the ruling party and be respected by the people. However, the greatness of the coalition government in Japan or in Malaysia is only from the outside but between them there are a lot of conflicts, usurpation and disputes. Basically, power can be defined as the main stream in politics and with power, someone can control other people or groups of people and make sure that they listen to his/her instruction. The main focus of the everyday life of a politician is to see how to defeat their opposition legally or illegally. Therefore, the research found that there are many similarities compared to differences that happened between the anti LDP coalition government and PR. Political actor either from the anti LDP coalition government or PR will do things against consensus and the action can affect the bonding between one another.

Keywords : coalition government, strategy, conflict, consensus and coalition bonding

PENDAHULUAN

Parti Demokratik Liberal (Liberal Democratic Party - LDP) boleh diklasifikasikan sebagai parti dominan kerana berjaya memerintah Jepun selama 38 tahun (1955 – 1993). Namun, LDP di bawah Perdana Menteri Kiichi Miyazawa telah kehilangan kuasa memerintah akibat kekalahan dalam pilihan raya umum 1993. Kejatuhan parti dominan kebanyakannya dikaitkan dengan skandal rasuah, penyalahgunaan kuasa, amalan kronisme dan penyelewengan kewangan negara. Sebagai contoh, peristiwa dunia telah membuktikan bahawa hampir kesemua parti dominan seperti Kongres di India (1947 – 1977), Nacionalista di Filipina (1965 – 1986), Golkar di Indonesia (1964 – 1998) dan Kuomintang (KMT) di Taiwan (1949 – 2000) mengalami kekalahan disebabkan oleh amalan kronisme, rasuah dan nepotisme. Namun, secara realitinya, terdapat faktor-faktor yang lebih konkrit dalam menjelaskan kejatuhan LDP.

Justeru, untuk menghalang atau mencegah atau menamatkan kekuasaan sesebuah parti dominan, maka parti pembangkang atau parti alternatif harus menyusun strategi, melakukan perancangan yang strategis, mengumpul kekuatan dan menjalinkan kerjasama dengan parti-parti politik yang lain agar kehebatan mereka sebagai parti alternatif

digeruni, boleh memberi saingan hebat kepada parti pemerintah dan disanjung oleh rakyat. Sebagai contoh, kerajaan gabungan anti LDP² diwujudkan pada 1993 atas dua alasan iaitu melakukan pembaharuan sistem pilihan raya³ dan reformasi politik (Ko Mishima 2005 : 49).

Sebagai contoh lain, Pakatan Rakyat⁴ (PR) diwujudkan secara gabungan antara parti-parti politik di Malaysia yang bertujuan untuk memberi tentangan hebat kepada parti pemerintah yang diketuai oleh Barisan Nasional (BN). BN dilihat sebagai sebuah parti politik yang lebih mementingkan kepentingan peribadi, menyalahguna kuasa untuk menyempurnakan agenda peribadi, bersifat boros, ketidakcekapan dalam mentadbir negara dan lebih memihak kepada golongan kroni berbanding rakyat. Oleh itu, rakyat berpendapat sudah sampai masanya pentadbiran negara diberikan kepada parti politik lain untuk memikul tanggungjawab sebagai pemimpin. Secara realitinya, kesemua tindakan ini dilakukan kerana rakyat sudah mual dengan sikap ahli politik BN, pendekatan yang diadaptasikan oleh BN dan penyakit rasuah yang menular dalam sistem pentadbiran BN (merdekareview.com 2008).

Boissevain (1978 : 172) berhujah sesuatu gabungan boleh diwujudkan antara individu, kelompok parti atau bukan parti politik dan individu bersama kelompok asalkan kepentingan dan matlamat bersama dapat dipelihara. Apabila seseorang wakil rakyat atau pemimpin bertindak keluar daripada parti politiknya dan kemudian menyertai parti politik lain, maka tindakan yang dilakukan oleh beliau boleh diterjemahkan sebagai membentuk satu gabungan baru. Semasa berada dalam gabungan baru, seseorang itu masih boleh bergerak bebas, berkeupayaan melahirkan pendapat dan terlibat sama dalam perancangan aktiviti parti. Cuma perkara yang dilarang untuk dilakukan ialah bertindak menentang hala tuju gabungannya. Jika terjadinya penentangan, maka ikatan gabungan yang dibina akan musnah dan ini akan membawa kepada perpecahan. Justeru, jika diteliti pandangan yang diutarakan oleh Boissevain, ikatan gabungan dalam sesebuah parti politik tidak akan kekal lama dan jangka hayatnya bergantung kepada sifat permuafakatan antara anggota gabungan.

Persoalan yang perlu diperbahaskan di sini ialah mengapakah ketua parti yang menjadi anggota gabungan kerajaan anti LDP saling bercakaran sesama sendiri sedangkan sebelum terbinanya kerajaan anti LDP, mereka bersungguh-sungguh hendak menjatuhkan LDP? Namun, setelah mereka diberi peluang untuk memerintah, mereka gagal memanfaatkan kesempatan yang telah diberikan oleh massa. Selain itu, mereka lebih cenderung untuk menjatuhkan antara satu sama lain dari bersatu tenaga untuk melaksanakan pembaharuan sistem pilihan raya dan sistem politik seperti yang dicanangkan kepada rakyat semasa kempen pilihan raya umum 1993.

PR juga tidak sunyi dari dilanda pelbagai masalah yang boleh menghancurkan kerjasama politik. Cuma pada ketika ini konflik dalaman PR masih boleh dibendung dan peristiwa yang boleh membawa kepada pengakhiran kerjasama politik masih belum lagi terjadi. Secara dasarnya, terdapat persetujuan awal semasa penubuhan kerajaan gabungan agar setiap anggota gabungan dikehendaki mengekalkan ikatan gabungan dan mematuhi peraturan gabungan yang ditetapkan. Namun, secara realitinya, ikatan gabungan tidak

kekal sifatnya dan anggota gabungan boleh keluar daripada ikatan gabungan yang dibina (Nidzam Sulaiman 1999 : 5). Justeru, persengketaan, percanggahan pendapat dan pergeseran antara ahli parti merupakan fenomena lumrah dalam kerajaan gabungan dan setiap aktor politik yang terlibat secara langsung dalam kerajaan gabungan harus bijak memainkan perannya dalam usaha untuk mengekalkan persefahaman dan persahabatan.

Justeru, kajian ini akan mengenal pasti apakah persamaan dan perbezaan yang terdapat antara kerajaan gabungan anti LDP di Jepun dengan PR di Malaysia. Kajian ini akan dimulakan dengan mengenal pasti krisis dalaman kerajaan gabungan anti LDP, pemusuhan Ozawa dengan Takemura dan selanjutnya krisis dalaman PR. Sesudah dilakukan analisis mengenai persamaan dan perbezaan yang terdapat pada perwatakan ahli politik Jepun dan Malaysia, maka kajian ini akan diakhiri dengan kesimpulan yang merumuskan kepada keseluruhan kajian.

KRISIS DALAMAN KERAJAAN GABUNGAN ANTI LDP

Austin (1975 : 18) menegaskan kuasa boleh ditakrifkan sebagai nadi utama dalam bidang politik dan dengan adanya kuasa, maka seseorang itu boleh menguasai diri orang lain atau dalam contoh lain, sesebuah kumpulan itu boleh memastikan kumpulan lain menurut arahnya. Fokus utama dalam kehidupan seharian ahli politik ialah bagaimana caranya hendak menjatuhkan lawannya sama ada dengan cara yang halal atau sebaliknya. Di dalam sesebuah organisasi, seseorang yang bertaraf veteran dan telah mempunyai kuasa akan cuba sedaya upaya untuk mengekalkan kuasanya agar menjadi lebih mantap. Manakala kepada generasi kedua di dalam organisasi itu, mereka akan cuba untuk mengekalkan atau menghadkan atau memperbaiki malah menghapuskan kepimpinan golongan veteran itu. Secara realitinya, bukan mustahil jika golongan yang sudah mempunyai kuasa akan berfikir seperti kumpulan yang pertama dan mereka boleh digelar golongan konservatif. Manakala mereka yang ingin mendapat kuasa atau dijanjikan kuasa akan berfikir seperti kumpulan yang kedua dan mereka boleh digelar golongan liberal, radikal atau progresif.

Keputusan pilihan raya umum 1993 (rujuk jadual 1) menjelaskan LDP gagal membentuk kerajaan dan senario ini sekali gus menamatkan hegemoninya sebagai parti dominan dan berakhir sudah sistem 1955⁵ yang menjadi kebanggaan mereka. Fenomena ini mengakibatkan kerajaan campuran harus dibina untuk membolehkan pentadbiran negara berfungsi dan setiap parti politik melobi dan melancarkan propaganda untuk mencari siapakah yang sesuai dijadikan rakan gabungan. LDP hanya memerlukan sekurang-kurangnya satu atau dua parti politik untuk dijadikan rakan gabungan dan mereka cuba memujuk Japan New Party (JNP) atau New Party Harbinger (NPH) supaya menjadi anggota kerajaan campuran (Christensen 2000 : 14).

Namun, Renewal Party (RP) pimpinan Ozawa mempunyai perancangannya tersendiri dan beliau berhasrat menubuhkan kerajaan gabungan anti LDP. Salah satu manifesto pilihan raya umum 1993 yang diberi penekanan oleh Ozawa ialah melakukan reformasi politik dan pembaharuan sistem pilihan raya. Ko Mishima (2005 : 49) menegaskan terdapat dua tujuan utama mengapa Ozawa berhasrat melakukan reformasi

politik. Pertama, untuk mengakhiri hegemoni LDP dalam memonopolikan sistem pemerintahan dan menggalakkan persaingan dalam perebutan kuasa antara parti-parti politik. Kedua, mengurangkan kekuasaan yang dimiliki oleh para birokrat sebagai pembuat dasar negara. Hegemoni LDP dan kekuasaan birokrat telah menjadi satu topik perbualan yang hangat dan sering kali diperkatakan oleh rakyat sejak dari selepas Perang Dunia Kedua lagi.

Jadual 1 Keputusan pilihan raya umum 1993

Parti Politik	Keputusan sebelum 1993	Keputusan selepas 1993
Liberal Democratic (LDP)	222	223
Renewal Party	36	55
New Party Harbinger	10	13
Japan New Party	0	35
Socialist Party	136	70
Clean Government Party	45	51
Democratic Socialist Party	14	15
Communist	16	15
Independent and Minor	26	34

Sumber : Christensen (2000 : 14).

Setelah berteka teki parti manakah yang layak menerajui Jepun, maka akhirnya kerajaan gabungan anti LDP pimpinan Morihiro Hosokawa dari JNP diberi kepercayaan untuk mentadbir Jepun dan senario ini dirakam pada Ogos 1993. Hosokawa telah mempamerkan kesungguhan yang serius untuk melakukan reformasi politik semasa memberi ucapan sulungnya sebagai perdana menteri pada 10 Ogos 1993.⁶ Beliau juga menegaskan bahawa beliau akan meletakkan jawatan sebagai perdana menteri pada penghujung 1993 jika beliau gagal merealisasikan reformasi politik. Tambahan pula, dalam ucapan pertamanya di parlimen pada 23 Ogos 1993, beliau juga mengelar sistem pentadbirannya sebagai “*political reform government.*” Slogan ini secara tidak langsung telah memperlihatkan kesungguhan beliau untuk memastikan reformasi politik tercapai (Nonaka 2000 : 105).

Namun, kerjasama politik yang dibina dalam kalangan anggota gabungan anti LDP hanya indah di luar sahaja dan bahagian dalamnya penuh dengan persengketaan, konflik, perebutan kuasa dan pertelingkahan sesama sendiri.⁷ Curtis (1999 : 114) menegaskan kebarangkalian berlakunya pergolakan dalaman kerajaan gabungan anti LDP adalah tinggi dan senario ini sudah pun kelihatan di awal penubuhannya. Perasaan dendam masih lagi membara di antara Parti Sosialis (Socialist Party – SP) dengan bekas ahli LDP yang menyertai RP. Tambahan pula, ramai anggota gabungan tidak begitu bersetuju untuk bekerjasama dengan Komeito yang mendapat sokongan Soka Gakkai. Justeru, adalah sukar untuk meramalkan sejauh manakah jangka hayat kerajaan gabungan anti LDP akan berpanjangan kerana konflik yang serius sudah pun kelihatan di awal penubuhannya.

Oleh itu, kerjasama politik yang dibina oleh kerajaan gabungan anti LDP lebih cenderung untuk menamatkan hegemoni LDP sebagai parti dominan berbanding melakukan reformasi politik dan pembaharuan sistem pilihan raya. Slogan reformasi politik dan pembaharuan sistem pilihan raya hanya merupakan retorik politik untuk mengaburi minda rakyat dan seterusnya memperoleh sokongan mereka. Ozawa yang merupakan perancang utama pembentukan kerajaan gabungan anti LDP dilihat secara tergesa-gesa mencari sokongan dalam kalangan anggota gabungan walaupun pada asalnya SP disenarai hitamkan daripada menjadi anggota gabungan (Christensen 2000 : 15). Namun, disebabkan tiada pilihan lain, maka akhirnya Ozawa terpaksa menerima kehadiran SP walaupun parti tersebut merupakan musuh politiknya.

Sebagai ketua kerajaan gabungan anti LDP, Hosokawa tidak boleh mengelakkan diri daripada menghadapi krisis dalaman yang melanda parti itu dan krisis tersebut dilihat sebagai punca perpecahan kerajaan gabungan anti LDP. Terdapat empat faktor yang boleh menjelaskan punca berlakunya pergolakan dalam kerajaan gabungan anti LDP dan faktor yang pertama ialah tentangan dari SP yang merupakan rakan gabungan anti LDP. Secara dasarnya, Hosokawa merupakan seorang pemimpin yang sederhana dan beliau lebih suka jika jasanya dikenang sebagai ketua negara yang melakukan penstrukturan semula politik Jepun, memperbaharui hubungan bilateral dengan negara Asia Timur yang lain, meletakkan semula hubungan Jepun dengan Amerika Syarikat dalam landasan yang baru, melakukan pembatalan kawal selia ekonomi dan menyusun polisi jangka panjang untuk warga emas.

Namun, Hosokawa mendapati setiap agenda yang hendak direalisasikan oleh beliau diberi tentangan hebat daripada SP dan mereka berfungsi seolah-olah sebagai musuh politik berbanding rakan gabungan.⁸ Tindakan SP boleh melumpuhkan kerajaan gabungan anti LDP dan persoalannya di sini adakah SP memahami peranannya sebagai sebahagian daripada anggota gabungan kerajaan pemerintah atau mereka sengaja melakukan perbuatan yang boleh menghancurkan ikatan kerajaan gabungan. Secara realitinya, SP secara sedar melakukan penentangan terhadap perancangan Hosokawa kerana parti itu mempunyai sokongan akar umbi yang kuat daripada kesatuan pekerja sektor swasta (Ko Mishima 2004 : 378). Secara dasarnya, hampir kesemua peraturan kerajaan bercanggah dengan kepentingan syarikat dan oleh itu, SP agak keberatan hendak menyokong usul Hosokawa kerana ianya berlawanan dengan objektif kesatuan yang sekali gus boleh mengakis kepercayaan kesatuan terhadap mereka.

Walaupun Lijphart (1975) berhujah kerajaan campuran harus mematuhi sifat kerahsiaan, tidak mempolitikkan isu tertentu dan mesti bersetuju sesuatu cadangan walaupun pada asasnya mereka tidak bersetuju dalam beberapa perkara yang tertentu. Peraturan sedemikian penting untuk mengelakkan perasaan syak wasangka, terlalu banyak *politicking* dan memanipulasikan isu sensitif sesuatu pihak. Namun, harus difahami bahawa gabungan parti yang dibentuk tidak mempunyai sifat yang berkekalan. Anggota komponen boleh bertindak keluar daripada gabungan dan boleh juga menerima kemasukan ahli baru. Malahan dalam penggal berikutnya, kemungkinan gabungan lain yang akan membentuk kerajaan sama ada dengan kehadiran sebahagian daripada parti dalam komponen gabungan sekarang atau mungkin sepenuhnya daripada satu gabungan

yang baru (Nidzam Sulaiman 1999 : 4-5). Justeru, kesimpulan yang boleh dilakukan ialah SP sengaja menimbulkan kemarahan Hosokawa kerana menjaga kepentingan peribadi dan kesatuan sekerja.

Sementara itu, kerajaan gabungan harus memahami risiko yang bakal dihadapinya kerana seperti yang dijelaskan oleh Tsebelis (1995), parti pemerintah yang dibentuk secara gabungan harus memikul bebanan tugas dua kali lebih banyak berbanding dengan parti pemerintah yang dibentuk secara bersendirian. Oleh itu, adalah menjadi penyebab utama mengapa kabinet campuran mempunyai jangka hayat yang lebih pendek berbanding kabinet yang dibentuk secara bersendirian (Lijphart 1984). Tambahan pula, ada juga pendapat yang mengatakan bahawa adalah lebih mudah dan jangka hayat kerajaan gabungan lebih panjang jika kerajaan pakatan dibentuk melalui anggota gabungan yang sehaluan daripada ahli gabungan yang mempunyai pelbagai kriteria (Axelrod 1970).

Kedua, gangguan daripada birokrat yang sengaja mencipta isu cukai pengguna sebagai satu propaganda untuk melumpuhkan ikatan kerajaan gabungan anti LDP. Secara lazimnya, isu cukai merupakan isu sensitif dan hampir kesemua pihak tidak bersetuju jika berlakunya kenaikan cukai. Semasa zaman pemerintahan LDP, para birokrat lebih gemar beraksi di sebalik tabir untuk mendapatkan sokongan dan kelulusan politik mengenai sesuatu polisi (Curtis 1999 : 126). Namun, fenomena ini berubah apabila pemerintahan negara diambil alih oleh kerajaan gabungan anti LDP dan para birokrat mendapati agak sukar untuk meneruskan tabiat bekerja mereka. Oleh itu, bukanlah mustahil jika LDP bekerjasama dengan birokrat dengan memainkan isu cukai sebagai senjata utama untuk memecahbelahkan kerjasama politik yang diaplikasikan oleh kerajaan campuran anti LDP.

Tambahan pula, Kementerian Kewangan (Ministry of Finance – MoF) memberi kata dua kepada Hosokawa dengan menegaskan bahawa tidak akan berlaku pengurangan cukai pendapatan jika tiada kenaikan cukai pengguna. Hosokawa menganggap kata dua ini sebagai ugutan dan beliau cuba berunding dengan Ozawa untuk mencari jalan penyelesaian kerana Ozawa dikenali sebagai ahli politik veteran yang disegani. Namun, usaha Hosokawa tidak membuahkan hasil yang positif kerana Ozawa telah bersekongkol dengan MoF untuk menaikkan kadar cukai pengguna.

Ishihara (1998 : 59) berhujah MoF telah mengaturkan strategi serampang dua mata dalam memainkan peranannya sebagai penjaga kewangan negara. MoF telah memberi keistimewaan yang luas kepada kerajaan anti LDP untuk mengemukakan cadangan mengenai pembaharuan sistem percukaian. Tetapi, dalam masa yang sama, MoF juga melobi supaya Ozawa dipilih sebagai pemimpin dalam kerajaan gabungan. Mengapakah MoF memberi sokongan penuh dan mencadangkan agar Ozawa dipilih menjadi pemimpin kerajaan gabungan anti LDP sedangkan Hosokawa merupakan ketua kerajaan gabungan dan pemimpin negara yang dilantik secara rasmi?

Secara realitinya, terdapat dua alasan mengapa MoF cenderung untuk memilih Ozawa sebagai pemimpin kerajaan gabungan anti LDP. Pertama, Ozawa mempunyai

pengetahuan yang luas dalam menguruskan sistem kewangan negara dan slogan beliau iaitu “*healthy government finances with a balance budget*” telah menarik perhatian MoF.⁹ Kedua, hubungan peribadi dengan Timbalan Menteri Kewangan Saito Jito dan beliau pernah bekerjasama dengan Ozawa dalam menyelesaikan isu sumbangan kewangan daripada kerajaan Jepun kepada tentera bersekutu pimpinan Amerika Syarikat ketika Perang Teluk (Ishihara 1998 : 59).

Peranan yang dimainkan oleh MoF dan Ozawa menepati slogan “matlamat menghalalkan cara” seperti yang dipelopori oleh Machiavelli. MoF dan Ozawa akan menggunakan pelbagai strategi dan helah untuk memastikan hasrat mereka tercapai dan mereka tidak berasa bersalah di atas tindakannya itu. Umum diketahui politik gaya Machiavelli bertujuan menerangkan pelbagai adegan dan aliran termasuk taktik kotor yang diperguna dan diperlakukan oleh manusia dalam politik. Malahan pemikiran dan perlakuan ini menjadi sebahagian daripada berpolitik itu sendiri. Tanpa pendekatan, taktik dan pembabitan politik putar belit tersebut, maka seolah-olah politik sebagai bidang bidang kehidupan yang tidak lagi wujud (Machiavelli 1989 : vii).

Ketiga, kelemahan Hosokawa sendiri kerana beliau terlalu bergantung harap dan terlebih yakin kepada kebolehan Ozawa. Jika dilihat dari sudut personaliti dan keterampilan, Hosokawa juga mempunyai karisma sebagai seorang pemimpin. Namun, secara realitinya, pengaruh Hosokawa telah ditenggelamkan oleh bayang-bayang Ozawa dan Ozawa dilihat sebagai seorang ahli politik yang lebih berpengaruh berbanding Hosokawa. Boleh dikatakan hampir kesemua keputusan kerajaan dilakukan oleh Ozawa dan beliau mempunyai keyakinan yang tinggi untuk mendapatkan persetujuan sama ada dari ahli kabinet atau rakyat.

Sebagai contoh, dalam proses membuat dasar, kerajaan Hosokawa mempunyai kepercayaan yang teguh terhadap sistem pentadbiran yang berasaskan kepada turutan atas-bawah (up-down). Sistem ini diaplikasikan kerana banyak kejayaan telah dicapai seperti meliberalisasikan pasaran beras dan merealisasikan pembaharuan pilihan raya. Kebanyakan proses membuat dasar dibantu oleh Ozawa kerana beliau merupakan orang lama dalam politik Jepun. Selain itu, sebagai seorang ketua, Hosokawa mengakui akan kelebihan Ozawa di atas kebijaksanaannya memimpin. Namun, tingkah laku Ozawa sering kali menimbulkan keraguan dan pencanggahan pendapat dalam kalangan anggota gabungan. Ini secara tidak langsung telah memberi kesan yang negatif kepada perpaduan parti campuran.

Memang tidak dapat dinafikan bahawa Ozawa merupakan ahli politik veteran dan semasa beliau berada dalam LDP, beliau telah disanjung tinggi oleh ahli LDP. Cuma kelemahan yang dipamerkan oleh Ozawa ialah apabila beliau membuat dasar, Ozawa kerap kali mengadakan perbincangan secara tertutup dan hanya berhubung dengan golongan eksekutif bertaraf elit sahaja. Perbuatan berahsia inilah yang menimbulkan kemarahan dalam kalangan anggota gabungan parti yang lain. Umum diketahui semasa Ozawa berada dalam LDP, beliau lebih bersikap terbuka dan boleh menerima pendapat ahli politik yang lain. Namun, sejak beliau menjadi rakan gabungan kerajaan campuran,

sikapnya sebagai seorang yang bertolak ansur telah bertukar menjadi kuku besi ¹⁰ (Nonaka 1995).

Selanjutnya, Ozawa tetap menegaskan bahawa kaedah kepimpinan beliau semasa berada dalam kabinet Hosokawa ialah bersifat demokrasi dan beliau menolak hujah-hujah yang mengatakan bahawa beliau menguruskan pentadbiran negara secara kuku besi. Ozawa berpendapat bahawa seseorang pemimpin yang memimpin sekumpulan parti politik harus mempunyai keberanian melaksana, bersifat akauntabiliti dan berkemampuan merealisasikan sesuatu agenda yang dirancang sama ada mengikut peraturan atau sebaliknya. Selain itu, Ozawa juga menegaskan bahawa jika semakin ramai orang atau kumpulan bersekepentingan berminat untuk mengetahui perkembangan sesuatu isu, maka keterampilan seseorang pemimpin itu adalah menjadi satu sifat wajib.

Sebagai contoh, apabila kerajaan berminat memperkenalkan skim cukai kebajikan kebangsaan ke atas rakyat, maka kerajaan harus memikul tanggungjawab untuk menjelaskan pendiriannya terhadap cadangan tersebut. Walau bagaimanapun, ramai ahli politik sama ada dari pihak pemerintah atau pembangkang tetap menganggap Ozawa menjalankan pentadbiran secara kuku besi. Tindakan Ozawa boleh disamakan seperti Takeshita semasa Takeshita menjadi perdana menteri dan ketua puak. Takeshita banyak membuat keputusan parti berdasarkan pengaruh peribadinya. Tindakan sedemikian kerap kali mendatangkan kemarahan dari rakyat dan juga ahli puaknya sendiri (Nonaka 2000 : 117 – 118).

Keempat, keperibadian Ozawa sendiri yang pernah terlibat dengan rasuah dan tidak mempunyai pendirian yang teguh diklasifikasikan sebagai punca keruntuhan kerajaan gabungan anti LDP. Kejatuhan LDP sebagai parti pemerintah telah membawa seribu pengertian yang amat bermakna kepada Ozawa kerana sekian lama beliau telah mengaturkan strategi untuk memusnahkan pengaruh LDP. Jika dilihat daripada sudut kredibilitinya sebagai seorang pemimpin, tidak dinafikan Ozawa mempunyai ciri-ciri kepimpinan yang tinggi. Namun, secara realitinya, penampilan Ozawa tidak seimbang dengan nilai-nilai peribadinya. Terdapat tiga faktor yang boleh memperjelaskan mengapa Ozawa gagal dipilih sebagai perdana menteri walaupun beliau dikategorikan sebagai salah seorang dari perancang utama untuk menamatkan riwayat LDP.

Pertama, LDP masih mampu mengekalkan kuasanya sebagai parti pemerintah jika cadangan mereka untuk bergabung dengan JNP dan NPH diterima. Namun, pada hakikatnya, kedua-dua parti tersebut enggan menjalinkan kerjasama dengan LDP dan mereka juga pada peringkat awalnya telah menolak cadangan Ozawa untuk menjadi rakan gabungan dalam kerajaan pakatan (Christensen 2000 : 14). Ozawa ada memasang niat untuk menjadi perdana menteri dan keinginan sedemikian juga terpahat kepada LDP yang berhasrat hendak mengekalkan statusnya sebagai parti pemerintah. Namun, fenomena penolakan yang ditetapkan oleh kedua-dua parti tersebut telah menghancurkan harapan Ozawa.

Kedua, Ozawa beranggapan bahawa dengan melakukan pembubaran parti dan menubuhkan parti baru dapat mengembalikan kepercayaan ahli politik lain terhadap

dirinya. Pada 1993, Ozawa bersama sekumpulan pengamal undang-undang telah keluar daripada LDP dan mereka telah menubuhkan RP. Namun, pada 1994, RP telah dibubarkan dan Ozawa telah menggantikannya dengan New Frontier Party (NFP). Fenomena menubuh, membubar dan membentuk semula parti politik tidak mengembalikan reputasi Ozawa sebagai seorang pemimpin yang berkarisma. Malahan kaedah yang diamalkan oleh Ozawa mendatangkan malapetaka kepada dirinya sendiri. Beliau telah dikecam oleh pelbagai pihak kerana tidak mempunyai tahap pendirian berpolitik yang teguh.

Ketiga, salah satu slogan utama parti gabungan anti LDP ialah menghapuskan rasuah. Disebabkan Ozawa sendiri pernah terpalit dengan skandal rasuah semasa beliau berada dalam LDP, maka apabila beliau berada di luar LDP sekali pun, ahli politik dari parti komponen anti LDP tetap tidak mempercayai akan diri Ozawa. Oleh itu, Ozawa berada dalam situasi yang serba salah dalam usaha untuk mempromosikan dirinya sebagai seorang pemimpin. Justeru, Ozawa tidak pernah disenaraikan sebagai calon perdana menteri walaupun pada hakikatnya, beliau mempunyai kredibiliti sebagai seorang ketua (*Asahi Shimbun* 23 November 1995 : 2).

Sebagai kesimpulannya, krisis yang melanda kerajaan gabungan anti LDP berpunca daripada anggota gabungannya sendiri, birokrat dan LDP. Sebagai parti dominan, pengaruh LDP masih lagi berbisa dan mereka boleh memberi arahan kepada penjawat awam terutamanya golongan birokrat supaya tidak memberi sokongan pentadbiran kepada kerajaan gabungan anti LDP. Tambahan pula, LDP telah berjaya melancarkan perang sarafnya dengan mencipta isu cukai sebagai senjata yang boleh menghancurkan ikatan kerajaan gabungan anti LDP. Selain itu, perasaan dendam yang masih membara dalam kalangan SP, sikap gelogoh Ozawa dan kelemahan Hosokawa merupakan faktor mengapa kerajaan gabungan anti LDP gagal bertahan lama.

PERMUSUHAN OZAWA DENGAN TAKEMURA

Ichiro Ozawa dan Masayoshi Takemura merupakan bekas ahli politik LDP dan mereka telah menubuhkan parti baru yang bertujuan untuk memberi tentangan terhadap LDP dalam pilihan raya umum 1993. Ozawa bersama Tsutomu Hata telah menubuhkan RP manakala Takemura pula menubuhkan NPH atau lebih dikenali sebagai Sakigake. Kedua-dua mereka merupakan ahli politik veteran dan salah satu matlamat mereka meninggalkan LDP ialah hendak melakukan reformasi politik dan pembaharuan sistem pilihan raya (Ko Mishima 2005 : 49). Sebagai perbandingan, ramai ahli parti dominan telah keluar daripada parti asalnya dan mereka menubuhkan parti politik baru hanya semata-mata hendak memberi tentangan terhadap parti lamanya. Sebagai contoh, fenomena ini pernah berlaku ke atas Kongres di India, KMT di Taiwan, Nacionalista di Filipina dan BN di Malaysia.

Mengapakah ahli politik yang pada mulanya merupakan kumpulan arus perdana secara disedari telah berubah menjadi kumpulan menentang arus? Persoalan sedemikian lebih menjuruskan kepada konflik dalaman, sifat dendam, tidak sehaluan dengan kepimpinan parti, kepentingan diri dan perkara-perkara yang segala mungkin dalam

politik. Sebagai contoh, ahli politik yang berfikiran konservatif, sekular dan mengadaptasikan gaya pemikiran realis sanggup melakukan apa sahaja demi memperoleh kuasa. Oleh itu, bukanlah mustahil jika seseorang ahli politik yang pada mulanya merupakan kumpulan arus perdana boleh bertindak sebaliknya hanya semata-mata keinginannya untuk berkuasa. Sebagai kesimpulannya, benarlah ungkapan yang pernah dilafazkan oleh ahli politik British, Lord Palmerston iaitu dalam politik, tidak ada rakan yang kekal dan tidak ada juga musuh yang kekal, cuma yang berkekalan hanyalah kepentingan (Joy 1997 : 284).

Sebelum terbinanya kerajaan gabungan anti LDP, setiap parti politik cuba melobi dan memujuk antara satu sama lain agar mengaplikasikan pendekatan kerajaan gabungan. Ini bertujuan supaya lebih cepat sesebuah kerajaan itu dibentuk, maka lebih mudah sistem pentadbiran negara berfungsi. Ozawa dan LDP dilihat sebagai agen penting yang ditugaskan untuk mencari parti manakah yang layak dijadikan rakan gabungan. Ozawa berhasrat hendak membina kerajaan gabungan tanpa melibatkan LDP dan beliau berpendapat biarlah partinya mengetuai kerajaan gabungan dengan melantik Hata sebagai perdana menteri (Curtis 1999 : 113).

Namun, perancangan Ozawa tersasar daripada landasannya dan untuk memastikan LDP dikecualikan daripada terlibat sama dalam membina kerajaan gabungan, maka Ozawa telah mengubah rancangannya dengan memilih Hosokawa sebagai perdana menteri tanpa memberitahu Hata. Tindakan Ozawa mendatangkan kemarahan Hata dan peristiwa ini memberi kejutan kepada Hosokawa dan Takemura.¹¹ Pada mulanya Takemura agak keberatan untuk menyetujui rancangan Ozawa. Namun, Takemura bersama Hosokawa dan Hata gagal mengambil sebarang tindakan ke atas perbuatan Ozawa dan mereka hanya menurut apa sahaja yang dicadangkan oleh beliau.

Otake (2000 : 140) menegaskan bahawa kebanyakan ketua parti politik yang menjalinkan kerjasama dengan Ozawa bukan dipengaruhi oleh faktor kerasionalan polisi yang dikemukakan oleh beliau ataupun sistem pilihan raya yang diaplikasikan dalam sesebuah kawasan. Tetapi, kerjasama yang diberikan oleh mereka lebih cenderung kepada hubungan peribadi dan ikatan puak dengan Ozawa. Tambahan pula, Ozawa diklasifikasikan sebagai seorang ketua yang berfikiran kolot, gemar beraksi di belakang tabir dan terbawa-bawa kaedah pengurusan ketinggalan zaman yang diaplikasikan oleh puak Takeshita. Justeru, adalah fenomena biasa jika Ozawa membelakangkan Hata dan menyembunyikan rancangannya daripada diketahui oleh Hosokawa dan Takemura kerana personaliti Ozawa itu sendiri yang bermasalah.

Secara dasarnya, Ozawa dilihat sebagai seorang pejuang pembaharuan polisi. Pada pendapat beliau, melakukan pembaharuan daripada sudut politik adalah perlu untuk mempermudah struktur pembaharuan polisi. Beliau juga tidak menaruh sebarang kepentingan peribadi dalam melakukan pembaharuan politik. Objektif Ozawa bukan sahaja untuk membersihkan kotoran dalam politik atau memperkukuhkan demokrasi, tetapi untuk menjadikan Jepun sebagai sebuah negara yang berdaulat, dihormati dan disanjung atas ketulusan undang-undangnya. Sebagai seorang pejuang revolusi, beliau

mempunyai perancangan dan strategi yang tersusun untuk memastikan segala perancangannya mampu menepati sasaran yang ditetapkan.

Schlesinger (1997 : 266) mengklasifikasikan Ozawa sebagai seorang ahli politik yang mempunyai iltizam yang tinggi dalam melakukan pembaharuan polisi. Ozawa juga dikategorikan sebagai seorang ahli politik yang ingin mengubah cara pemikiran ahli politik Jepun yang lain. Tambahan pula, beliau berhasrat menghapuskan rasuah politik yang berleluasa dalam politik Jepun. Selain itu, sistem dua parti yang bakal diperkenalkan oleh beliau boleh memberi kelebihan kepada pengundi untuk memilih parti manakah yang mereka suka dan sekali gus boleh menghapuskan pengaruh birokrat dalam membuat dasar kerajaan.

Sementara itu, Takemura pula tidak begitu berminat dengan revolusi dan sasaran perjuangan yang dipamerkan oleh beliau jauh berbeza daripada Ozawa. Jika Ozawa ingin melihat Jepun sebagai sebuah negara yang berdaulat, Takemura pula berhasrat menjadikan Jepun sebagai sebuah negara kecil tetapi bersinar dan mempertingkatkan kesedaran rakyat dalam memelihara alam sekitar dan nilai kebajikan. Secara dasarnya, wawasan Takemura hendak menjadikan Jepun sebagai sebuah negara yang mempunyai kesedaran yang tinggi terhadap keamanan seperti termaktub dalam perlembagaannya, kebebasan bersuara dalam keluarga dan dihormati oleh masyarakat antarabangsa (Masayoshi 1994). Takemura bersama beberapa ahli politik yang rapat dengannya berpendapat bahawa istilah pembaharuan mampu membersihkan kotoran dalam politik Jepun, menjadikan proses membuat dasar lebih telus dan sistem politik lebih bersifat moden dan terbuka (Curtis 1999 : 115).

Selanjutnya, tujuan utama Ozawa melakukan pembaharuan pilihan raya ialah untuk memaksa parti mengstrukturkan semula organisasinya agar mengikut sistem dua parti yang mampu bersaing, tetapi berpandukan kepada polisi asas parti. Manakala Takemura pula berpendapat kejayaan dalam melakukan pembaharuan pilihan raya mampu mengurangkan kos pilihan raya dan peranan organisasi yang berkempen secara peribadi. Dengan mengaplikasikan sistem pilihan raya berpusat, maka peluang untuk membina ikatan persahabatan melalui rasuah politik akan berkurangan dalam kalangan calon pilihan raya dengan ahli perniagaan dalam sesebuah kawasan pilihan raya. Takemura bersama penyokongnya bersetuju bahawa perlunya bersifat sederhana dalam berpolitik dan peranan pihak ketiga yang wujud dalam sistem pelbagai parti boleh memecahkan pemikiran tradisi yang menjadi perdebatan antara kumpulan konservatif dengan progresif.

Seterusnya, Takemura melihat Ozawa sebagai seorang ketua puak dan parti politik yang berfikiran kuno dan beliau bersama rakannya berhasrat hendak menghapuskan pengaruhnya. Dalam beberapa bulan kemudian, Ozawa telah berjaya memaksa Takemura keluar daripada menjadi anggota gabungan. Fenomena ini memberi ruang yang luas kepada Takemura untuk membina kerajaan gabungan bersama SP dan LDP dan kerjasama tersebut telah berjaya menyingkirkan Ozawa daripada terus berkuasa. Justeru, pengaruh kerajaan gabungan anti LDP telah terkubur apabila wujud konflik

dalam yang serius dalam kalangan anggota gabungannya dan peristiwa ini memberi kesempatan kepada LDP untuk berkuasa kembali.

Persengketaan, pergolakan dalaman, perebutan jawatan, cantas mencantas, tikam dari belakang dan menyebarkan firniah ke atas musuh politik adalah merupakan senario lumrah dalam dunia politik. Mengapakah amalan jahat ini menjadi pilihan utama ahli politik dan kenapakah mereka sanggup melakukan perbuatan di luar sifat kemanusiaan? Secara realitinya, faktor kuasa yang menyebabkan aktor-aktor politik sanggup melakukan apa sahaja asalkan matlamatnya untuk terus berkuasa akan tercapai. Secara dasarnya, ikatan hubungan yang dibina seperti melalui pendekatan penaung dinaung, majikan – pekerja, golongan tua – golongan muda atau ketua kampung – ahli kariah boleh musnah akibat ketamakan kuasa. Aktor-aktor yang wujud dalam sesebuah organisasi tidak akan mepedulikan peraturan yang telah dipersetujui bersama jika kekuasaan yang dimilikinya itu tergugat. Justeru, kerajaan anti LDP telah mencipta bencananya sendiri akibat dari sifat ketamakan untuk berebut kuasa.

Sebagai kesimpulan, walaupun Ozawa dan Takemura merupakan rakan gabungan dalam parti campuran anti LDP, namun, secara realitinya mereka berdua tidak sehaluan dan mempunyai cara pemikiran yang amat berbeza. Disebabkan perwatakan Ozawa yang bersifat gelojoh dan mempunyai tahap kesabaran yang rendah, maka usia kerajaan gabungan anti LDP tidak berpanjangan dan kelemahan ini membuka ruang yang luas kepada LDP untuk merampas semula kekuasaan negara. Tambahan pula, ramai ketua parti politik yang menjalinkan kerjasama dengan Ozawa bukannya tertarik dengan perancangan Ozawa, tetapi lebih cenderung kepada ikatan peribadi dan hubungan puak. Justeru, kejatuhan kerajaan gabungan anti LDP sudah dijangka sejak awal penubuhannya kerana ikatan yang longgar dalam kalangan anggota gabungan.

KRISIS DALAMAN PAKATAN RAKYAT

Sarjana sains politik telah mencipta pelbagai pendekatan untuk membolehkan sesebuah parti politik, ahli politik, birokrat atau sesiapa sahaja untuk terus berkuasa. Sebagai contoh, Liphart (1969) telah memperkenalkan pendekatan demokrasi konsosiasional atau permuafakatan di negara majmuk dan pendekatan tersebut dilihat sebagai satu mekanisme bagaimana membolehkan seseorang individu itu untuk terus berkuasa. Liphart (1977 : 321) juga berhujah,

Kunci utama kepada akomodasi permuafakatan ialah proses tawar menawar dalam kalangan golongan elit. Manakala kunci utama kepada proses tawar menawar pula ialah kepimpinan yang amanah dan cukup bertanggungjawab kepada komunitinya. Namun, kedudukan komuniti yang pelbagai ini mestilah terpelihara dan tidak diancam oleh keputusan permuafakatan tersebut. Identiti komuniti masing-masing tetap terpelihara.

Selain demokrasi konsosiasional, pendekatan politik gabungan juga diperkenalkan ke dalam dunia politik dan hala tujunya masih sama seperti demokrasi konsosiasional. Boissevain (1978 : 171 - 172) yang mahir dengan politik gabungan menjelaskan

gabungan boleh diklasifikasikan sebagai satu jalinan kerjasama yang dibentuk antara dua atau lebih pihak yang berkongsi pengalaman bersama untuk mencapai sesuatu matlamat yang sama. Selain parti politik, gabungan boleh diwujudkan sesama individu, kelompok atau antara kedua-duanya. Apabila dibentuk, anggotanya saling bekerjasama, menghormati dan bertolak ansur antara satu dengan yang lain agar matlamat yang disasarkan akan tercapai. Walau bagaimanapun, harus diingati bahawa kerjasama sedemikian tidak berkekalan untuk selama-lamanya. Apabila kepentingan atau sumber keperluan berubah, maka struktur gabungan juga boleh berubah. Mana-mana anggota boleh bertindak keluar daripada gabungan dan fenomena keluar masuk gabungan ini akan menyebabkan kedudukan sesebuah parti politik sebagai rakan gabungan tidak akan kekal.

PR ditubuhkan untuk memberi tekanan kepada BN dan menamatkan hegemoninya sebagai parti dominan. Setiap anggota gabungan dalam PR membawa ideologi politik yang berbeza tetapi mereka mempunyai satu matlamat yang sama iaitu menyingkirkan BN daripada menjadi kerajaan pemerintah. Walaupun hala tuju PR adalah serupa, namun mereka tidak terlepas daripada krisis dalaman yang hampir-hampir boleh membawa kemusnahan kepada ikatan gabungan. Terdapat empat faktor yang boleh menjelaskan krisis dalaman yang berlaku dalam PR dan faktor yang pertama ialah kejatuhan kerajaan Perak pada 2009 disebabkan oleh pembelotan dua Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) PKR dan seorang DAP.

Dalam pilihan raya umum ke-12 (PRU 12) 2008, PR telah berjaya memerintah Perak dan PAS diberi kepercayaan untuk menjadi Menteri Besar.¹² Namun, PR hanya boleh memerintah Perak selama 11 bulan sahaja (Mac 2008 – Februari 2009) selepas dua ADUN PKR dan seorang DAP telah melompat parti¹³ dan memberi sokongan kepada BN.¹⁴ Fenomena ini memberi impak yang negatif kepada PKR dan DAP kerana gagal menghalang wakil rakyatnya dari melompat parti. Walaupun tiada kelihatan pergaduhan dalam kalangan anggota gabungan, namun perasaan marah tetap terpendam pada setiap wakil rakyat (malaysiakini Jun 2009).

Mengapakah seseorang wakil rakyat itu sanggup melakukan satu tindakan yang tidak bertamadun dengan mengkhianati amanah yang diberikan oleh pengundi? Adakah disebabkan bebanan tugas atau kurang ilmu politik atau terpengaruh dengan materialistik yang ditawarkan oleh parti musuh? Secara realitinya, ramai ahli politik di Malaysia khususnya daripada parti pembangkang beranggapan bahawa kehidupan mereka akan menjadi mewah jika terpilih menjadi wakil rakyat. Senario ini boleh dilihat kepada wakil rakyat BN yang hampir kesemuanya menjalani kehidupan mewah apabila berjaya menjadi wakil rakyat. Justeru, corak pemikiran ini tertanam dalam fikiran wakil rakyat pembangkang dan mereka ingin mengikuti jejak langkah seperti yang dilakukan oleh wakil rakyat BN.

Namun, parti pembangkang tidak mempunyai kekayaan, kuasa yang luas, tiada pertalian yang kukuh dengan birokrat atau ahli perniagaan dan mereka harus melakukan sesuatu tindakan berdasarkan janji mereka kepada rakyat. Jika perbuatan mereka menyerupai parti pemerintah, maka tiada maknanya pengundi memberi kemenangan kepada mereka kerana rakyat inginkan perubahan dan bukannya menambahkan lagi

masalah kehidupan. Oleh itu, tiga wakil rakyat yang melompat parti telah memilih parti politik yang salah dan kesalahan ini tidak harus disandarkan semata-mata kepada mereka sahaja malahan parti politik yang mereka wakili itu sendiri yang gagal melakukan penapisan calon semasa mengatur strategi pilihan raya. Pihak pengurusan parti sekurang-kurangnya mesti mempunyai garis panduan yang ketat semasa hendak memilih calon pilihan raya seperti setiap calon yang ingin bertanding seharusnya mempunyai kelayakan akademik lulusan universiti.¹⁵

Kedua, perbalahan sesama anggota gabungan semasa mencari kemenangan dan sokongan dalam pilihan raya umum. PR telah bersepakat untuk meletakkan calon satu lawan satu dalam setiap kawasan pilihan raya sama ada di peringkat parlimen atau Dewan Undangan Negeri (DUN). Fenomena ini telah mula diaplikasikan sejak PRU 10 pada 1999 dan mula dipertingkatkan dalam PRU 12 pada 2008. Namun, perbuatan meletakkan calon tiga penjurong tetap berlaku dalam PRU 13 pada 2013 dan senario ini dilakukan pada saat-saat akhir semasa hendak melakukan pengundian.¹⁶ Tindakan sedemikian mendatangkan kemarahan kepada calon yang bertanding dan menggelirukan pengundi untuk memilih calon kesukaan mereka. Penyokong PAS dan PKR tetap bertekad hendak memilih calon parti mereka tanpa sebarang kompromi dan sebagai akibatnya, BN yang meraih kemenangan. Perbuatan ini mendatangkan kerugian kepada PR dan memberi impak negatif terhadap ikatan gabungan.

Sarjana sains politik seperti Liphart dan Boissevain telah menjelaskan dengan panjang lebar bahawa setiap anggota gabungan harus menghormati, bertolak ansur, sedia bekerjasama dan menerima keputusan yang telah dipersetujui bersama walaupun ada anggota gabungan yang meragui keputusan tersebut. Faktor ini penting untuk memelihara keharmonian, nilai hubungan dua hala dan usia persahabatan anggota gabungan. Namun, fenomena yang berlaku dalam PR bersifat sebaliknya di mana setiap anggota gabungan cuba mempamerkan kekuasaan yang ada pada mereka walaupun sudah diberi teguran oleh pengundi, penyokong, penganalisis politik dan masyarakat umum. Kesombongan yang dipertontonkan oleh ketua parti anggota gabungan memberi gambaran bahawa ilmu politik yang dikuasai oleh mereka masih boleh dipertikaikan dan mereka gagal menerima teguran.

Ketiga, krisis mencari pengganti MB Selangor telah menimbulkan pergeseran persahabatan dalam kalangan anggota gabungan. Selangor ditadbir oleh PR dan atas dasar kesepakatan, maka jawatan MB diberikan kepada PKR dan Tan Sri Khalid Ibrahim (TSKI) diamanahkan untuk menjadi ketua kerajaan negeri. Pentadbiran Selangor di bawah TSKI semasa penggal pertamanya berada dalam situasi yang harmoni dan setiap urusan kerajaan berjalan dengan lancar. Namun, semasa penggal keduanya, TSKI dilihat sebagai seorang ketua yang bermasalah dan pihak pengurusan PKR berpendapat bahawa beliau perlu ditukarkan dengan calon baru agar urusan pengurusan negeri boleh berjalan dengan lancar dan kehidupan seharian rakyat dapat beroperasi dengan sempurna.¹⁷

Secara dasarnya, PKR dan DAP telah bersetuju untuk menggantikan TSKI dengan Dato' Seri Wan Azizah Wan Ismail (WAWI) sebagai MB Selangor yang baru.¹⁸ Tambahan pula, PKR dan DAP sebulat suara menetapkan hanya WAWI sahaja calon

tunggal yang sesuai dipilih menjadi MB. Namun, PAS tidak bersetuju dengan cadangan tersebut dan mereka berpendapat TSKI masih lagi relevan dikekalkan sebagai MB. Selain itu, PAS mempersoalkan mengapa perlu menukarkan TSKI dengan calon baru sedangkan prestasi yang dipamerkan oleh beliau adalah baik dan beliau juga tidak terlibat dengan perbuatan yang melanggar undang-undang negara. Persengketaan ini memberi kesan buruk kepada ikatan gabungan dan PKR terpaksa bekerja keras untuk menjelaskan kepada rakan gabungan dan rakyat mengapa TSKI harus digantikan dengan calon baru.

Pada pandangan PAS, kemelut MB sengaja dicipta oleh PKR dan PKR disifatkan sebagai sebuah parti politik yang ingin menaikkan Anwar Ibrahim sebagai pemimpin negeri sebelum beliau dilantik menjadi perdana menteri. Namun, tanggapan tersebut gagal dibuktikan secara konkrit dan persoalan yang perlu dibahaskan ialah mengapakah PAS bersungguh-sungguh hendak mengekalkan TSKI sebagai MB sedangkan kesalahan yang dilakukan oleh TSKI sudah pun dijelaskan secara panjang lebar kepada semua anggota gabungan? Adakah Presiden PAS mempunyai agenda tersembunyi dalam memastikan TSKI dikekalkan sebagai MB atau presiden lebih cenderung untuk melindungi kepentingan peribadi anaknya atau pengikutnya yang banyak berurusan dengan kerajaan negeri?

Kemelut MB Selangor telah mengeruhkan hubungan dua hala antara anggota gabungan PR dan BN melihat pergolakan tersebut sebagai keuntungan kepada mereka. Secara dasarnya, BN tidak suka jika kekuatan PR bertambah teguh kerana mereka berpendapat kerjasama tersebut boleh menghakis kekuasaan mereka. Justeru, BN akan menggunakan pelbagai strategi untuk melemahkan kekuatan PR dan salah satu kaedahnya ialah dengan mempengaruhi PAS agar tidak bersetuju dengan cadangan yang dikemukakan oleh PKR dan DAP.¹⁹ BN akan memainkan isu Islam dan perpaduan Melayu untuk memancing PAS kerana mereka sedar PAS merupakan parti yang pro Islam berbanding anggota gabungannya yang lain. Oleh itu, perang saraf yang dilancarkan oleh BN sedikit sebanyak telah mengoncangkan ikatan gabungan PR.

Keempat, isu hudud dikatakan sebagai punca hubungan dua hala antara anggota gabungan PR menjadi longgar.²⁰ Hudud merupakan undang-undang syariah Islam yang diperjuangkan oleh PAS sejak mereka berjaya memerintah Kelantan pada 1990. Persoalannya di sini ialah anggota gabungan PR khususnya DAP tidak dapat menerima kenyataan apa perlunya hendak dilaksanakan hudud sedangkan Malaysia sudah pun mempunyai undang-undang sivil? Secara realitinya, DAP sememangnya tidak memahami apa itu hudud dan penerangan tentang hukum tersebut seharusnya dilakukan oleh PAS di mana hampir kesemua ahlinya beragama Islam. Tambahan pula, idea untuk melaksanakan hudud datang dari PAS dan sudah tentu mereka mempunyai kepakaran dalam bidang tersebut.

Namun, PAS gagal menjalankan tanggungjawabnya untuk memberi penjelasan kepada rakan gabungannya mengenai hukum hudud. Rang undang-undang (RUU) hudud pindaan 1993 dibentangkan di DUN Kelantan pada 18 Mac 2015 dan RUU tersebut mendapat sokongan penuh daripada semua ADUN Kelantan termasuk UMNO. Secara logikanya, apa muslihat UMNO Kelantan memberi sokongan kepada RUU hudud kerana

sejarah telah membuktikan bahawa parti pemerintah hampir tidak pernah bersetuju dengan apa yang dicadangkan oleh parti pembangkang dan peristiwa yang berlaku di Kelantan amat menakjubkan.

Secara realitinya, BN sentiasa mencari ruang dan peluang untuk menghancurkan ikatan PR dan perang saraf yang mereka lancarkan sudah hampir mencapai sasarannya. Sudah kedengaran daripada ahli PAS sendiri bahawa mereka harus meninggalkan PR dan bekerjasama dengan UMNO untuk perpaduan Melayu dan menegakkan agama Islam. Cuma yang menjadi persoalannya di sini adakah PAS akan dilayan sebagai rakan gabungan UMNO jika mereka keluar dari PR? Terdapat juga kebarangkalian bahawa BN sememangnya mengkehendaki PAS keluar daripada PR agar dasar-dasar yang diperjuangkan oleh BN tidak lagi diberi tentangan hebat oleh PR. Sesudah BN mendapat apa yang mereka inginkan, maka bukan mustahil jika PAS akan dipinggirkan dan pada ketika itu PAS akan kehilangan kekuatannya.

Sebagai kesimpulannya, pergolakan yang berlaku dalam PR tidak dapat dielakkan, tetapi setiap anggota gabungan harus bertanggungjawab terhadap apa yang mereka telah persetujui. Cuma PAS dilihat sebagai sebuah parti politik yang kerap menimbulkan pelbagai pertanyaan dan mereka juga gagal memberi jawapan yang memuaskan apabila diminta berbuat sedemikian. Selain itu, PAS juga disifatkan sebagai parti yang mengkehendaki ikatan gabungan dikekalkan tetapi dalam masa yang masa mereka menimbulkan masalah yang boleh menghancurkan nilai persahabatan.

PERSAMAAN DAN PERBEZAAN ANTARA LDP DAN PR

Austin (1975) menjelaskan bahawa kuasa merupakan nadi dan pemburuan utama aktor politik dan mereka yang sudah mempunyai kuasa akan cuba sedaya upaya untuk mengekalkan kuasanya agar menjadi lebih mantap. Tambahan pula, kuasa politik secara umumnya boleh didefinisikan sebagai keupayaan mempengaruhi tingkah laku orang lain melalui bentuk sekatan yang tertentu. Sekatan mungkin berbentuk paksaan atau pujukan. Kuasa boleh disokong oleh ganjaran atau hukuman dan boleh digunakan dalam bentuk positif dan negatif. Oleh itu, pemimpin politik boleh mendapatkan kepatuhan pada keinginan mereka dengan menjanjikan kekayaan atau penghormatan kepada para penyokongnya atau mereka boleh mengugut untuk menafikan ganjaran yang sedemikian kepada yang menentang.

Kebanyakan pengguna kuasa politik merangkumi kedua-dua unsur ini. Tindakan yang negatif terhadap mereka yang menentang kebiasaannya dikenakan hukuman yang ekstrem seperti hukuman penjara atau hukuman mati oleh pihak yang berkuasa. Kuasa menjatuhkan hukuman ini lazimnya terletak dalam tangan mereka yang mengawal institusi negara dan mereka yang mengawal negara secara amnya memiliki kuasa politik yang paling banyak. Walau bagaimanapun, ketakutan pada sekatan paksaan inilah yang menyebabkan rakyat mematuhi peraturan yang ditetapkan dan bukannya paksaan itu sendiri yang meningkatkan kepatuhan. Sesungguhnya penggunaan hukuman yang terlalu kerap merupakan petanda bahawa kuasa politik semakin lemah (Ball 1993 : 30 – 31).

Pergolakan atau krisis dalaman yang berlaku dalam kerajaan gabungan anti LDP dan PR sudah semestinya mempunyai persamaan dan perbezaan kerana kebanyakan aktor politik sama ada dalam anti LDP atau PR mengaplikasikan pendekatan politik yang dipelopori oleh sarjana barat. Ozawa telah keluar daripada LDP, menubuhkan parti baru dan melakukan penentangan terhadap parti lamanya hanya semata-mata hendak menamatkan hegemoni LDP sebagai parti pemerintah (Christensen 2000 : 21). Tindakan Ozawa sekali gus membolehkan dirinya dipilih menjadi sebahagian daripada kerajaan pemerintah. Perancangan yang dilakukan oleh Ozawa bersifat jangka panjang dan rakyat dapat menikmati kenikmatan perubahan landskap politik Jepun.

Senario melompat parti dan memberi tentangan terhadap parti lamanya juga berlaku dalam PR. Cuma perbezaan yang boleh dibahaskan antara anti LDP dengan PR ialah anti LDP hendak menguasai negara manakala PR hanya memfokuskan kepada kerajaan negeri. Selain itu, Ozawa telah dipilih menjadi sebahagian daripada kerajaan pemerintah dan berhasrat hendak melakukan anjakan paradigma dalam sistem politik Jepun. Manakala PR hanya menumpukan kepada kepentingan peribadi, sanggup mengadai maruah diri untuk menyelamatkan diri sendiri daripada diburu undang-undang negara, mengkhianati kepercayaan yang diberi oleh pengundi dan tidak dipilih untuk memegang jawatan berprestij dalam kerajaan negeri.

Fenomena politik Malaysia lebih menjurus kepada politik balas dendam, gagal menerima kenyataan atas kekalahan, menggunakan taktik kotor untuk menjatuhkan musuh politik, mempergunakan jentera kerajaan untuk kepentingan peribadi dan menyalahgunakan kuasa untuk membolehkan impian peribadi tercapai. Selain itu, aktor politik Malaysia terutamanya daripada parti pemerintah berasa bangga apabila berjaya melumpuhkan kekuatan parti lawan dengan mengaplikasikan politik kotor²¹ yang dibantu oleh jentera kerajaan. Senario ini berbeza dengan Jepun di mana parti pemerintah boleh menerima realiti kekalahan dan tidak memusuhi Ozawa walaupun semua orang tahu bahawa Ozawa merupakan perancang utama kejatuhan LDP.

Sementara itu, Ozawa diklasifikasikan sebagai seorang ahli politik yang gemar beraksi di belakang tabir dan banyak mempengaruhi kerajaan anti LDP sehingga menyebabkan kerajaan tersebut kehilangan kuasa memerintah (Otake 2000 : 140). Senario ini juga berlaku dalam PR di mana Presiden PAS hanya berani berucap di hadapan media tanpa mempunyai keinginan untuk bersemuka²² dengan anggota gabungan dalam mencari titik penyelesaian terhadap sesuatu masalah. Sebagai contoh, isu hudud telah mengoncangkan kestabilan ikatan PR sehingga menyebabkan Ketua Menteri Pulau Pinang mengisytiharkan permusuhan ke atas Presiden PAS.²³ Fenomena ini berlaku disebabkan Presiden PAS enggan menerima nasihat agar ditangguhkan dahulu pembentangan RUU hudud di parlimen. Secara realitinya, konflik ini boleh diselesaikan dengan baik jika setiap ketua parti politik bersetuju bersemuka dan berbincang. Namun, harapan ini tidak berlaku dan konflik tersebut gagal diselesaikan secara muafakat.

Dalam kerajaan anti LDP, Ozawa dilihat sebagai seorang individu yang banyak menimbulkan masalah dan tindakan yang dilakukan oleh beliau telah menghancurkan kerajaan gabungan anti LDP. Begitu juga situasi yang berlaku dalam PR di mana

Presiden PAS dikategorikan sebagai seorang pemimpin yang kerap menimbulkan kemarahan dalam kalangan anggota gabungan PR. Sebagai contoh, slogan untuk menawan Putrajaya merupakan motto bersama PR, tetapi Presiden PAS telah membuat pusingan berlawanan dengan mengatakan biar gagal ke Putrajaya asalkan Islam dapat ditegakkan.²⁴

Persoalannya di sini bagaimana Islam boleh ditegakkan jika kuasa memerintah tiada dalam gengaman PR? Setiap agenda atau perubahan yang hendak dilakukan oleh sesebuah kerajaan memerlukan kuasa kerana kuasa merupakan nadi utama parti pemerintah. Jika parti politik gagal memperolehi kuasa memerintah, maka segala perancangan yang hendak dilakukan oleh mereka akan tinggal sebagai perancangan sahaja. Tambahan pula, Presiden PAS sering kali menyeru kepada kerjasama politik tetapi dalam masa yang sama beliau menimbulkan konflik yang boleh membawa kepada kehancuran ikatan gabungan.

Sebagai kesimpulannya, banyak persamaan berbanding perbezaan yang berlaku antara kerajaan gabungan anti LDP dengan PR. Setiap aktor politik dalam kerajaan gabungan akan mencari ruang untuk mempromosikan diri beliau sebagai ketua kerana dengan cara sedemikian, reputasinya sebagai pemimpin akan terserlah. Secara realitinya, Ozawa berhasrat hendak menjadi perdana menteri walaupun beliau sedar bahawa beliau tidak akan dilantik ke jawatan tersebut akibat perbuatan salah lakunya yang lampau (Christensen 2000 : 14). Fenomena ini juga terjadi kepada Presiden PAS di mana beliau berhasrat hendak menegakkan kerajaan Islam walaupun keupayaan beliau untuk melaksanakannya masih menjadi tanda soal. Justeru, krisis dalaman yang berlaku dalam sesebuah kerajaan berpunca daripada anggota gabungannya sendiri yang secara realitinya gagal memahami konsep kerajaan campuran.

KESIMPULAN

Machiavelli (1989 : ix) menegaskan sifat-sifat keji seperti kekejaman, kezaliman, tipu helah, tipu daya, sokongan, sogokan dan apa sahaja cara seharusnya diperguna dan diperalatkan dalam keadaan dan kemelut politik. Oleh kerana matlamat terakhir sesuatu perjuangan ialah kuasa, maka segala pertimbangan lain seperti keadilan, kemanusiaan dan seumpamanya hendaklah tunduk di bawah perkiraan kuasa. Selain itu, agama juga hendaklah dibelenggu jika ianya mengganggu dan membantutkan usaha-usaha politik. Ukuran kebaikan satu-satu kaedah ialah kemampuan menjayakan projek politik atau "*might is right*".

Ozawa sanggup mengkhianati rakan partinya, Tsutomu Hata hanya semata-mata untuk memastikan hasratnya menubuhkan kerajaan gabungan anti LDP berjaya dilaksanakan (Curtis 1999 : 113). Senario ini juga berlaku kepada Presiden PAS yang sanggup membelakangkan keputusan mesyuarat yang dipersetujui bersama anggota pakatan hanya semata-mata hendak melihat keinginan dirinya dan beberapa pimpinan PAS tercapai. Justeru, kesimpulan keseluruhan kajian ialah kuasa merupakan pemburuan utama ahli politik dan mereka sanggup mencetuskan pergaduhan, permusuhan, mengkhianati perjanjian, menyebarkan fitnah dan melakukan perbuatan di luar batasan

manusia hanya untuk memastikan kuasa itu miliknya. Pergolakan ini tiada noktah berhenti dan persengketaan ini akan terus berlaku selagi kuasa menjadi idaman seseorang itu.

¹ Kajian ini memfokuskan kepada kerajaan gabungan anti LDP (Liberal Democratic Party) di Jepun pada 1993 dan Pakatan Rakyat (PR) di Malaysia pada 1999 kerana tarikh ini merupakan kali pertama terbinanya kerjasama politik antara parti-parti politik. Sebelum terbentuknya kerajaan gabungan anti LDP, Jepun diperintah oleh LDP secara kerajaan satu parti selama 38 tahun (1955-1993). Namun, selepas meletusnya fenomena kerajaan gabungan pada 1993, Jepun tidak lagi ditadbir oleh kerajaan satu parti walaupun parti politik yang memenangi pilihan raya umum mampu melakukannya. Selain itu, PR di Malaysia terbina selepas terjadinya peristiwa penyingkiran Anwar Ibrahim yang membawa kepada hukuman penjara ke atas beliau. Sebelum tercetusnya isu Anwar, hampir kesemua parti pembangkang di Malaysia bertindak bersendirian dalam mencari kemenangan, kepopularitian dan kuasa. Namun, terdapat pengecualian ke atas PAS (Parti Islam Se-Malaysia) kerana parti itu pernah menjalinkan kerjasama politik dengan parti serpihan UMNO (United Malay National Organization) sebelum isu Anwar Ibrahim.

² Kerajaan gabungan anti LDP diketuai oleh Morihiro Hosokawa secara rasminya ditubuhkan pada 6 Ogos 1993 yang dianggotai oleh Japan Renewal Party, Japan New Party, Sakigake, Socialist Party, Komeito, Democratic Socialist dan Social Democratic League. Antara jawatan penting yang disandang oleh anggota gabungan anti LDP ialah Masayoshi Takemura sebagai Ketua Setiausaha Kabinet, Tsutomu Hata sebagai Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Luar manakala Ichiro Ozawa tidak memegang sebarang jawatan dalam kabinet tersebut. Beliau lebih selesa memegang jawatan sebagai Setiausaha Agung Japan Renewal Party dan sering kali beraksi di belakang tabir kerajaan gabungan anti LDP (Curtis 1999 : 113-114). Tambahan pula, kerajaan gabungan anti LDP hanya mampu berkuasa selama lapan bulan sahaja dan selepas itu kepimpinan negara Jepun diambil alih oleh kerajaan gabungan antara LDP, Parti Sosialis dan Sakigake.

³ Ozawa yang merupakan salah seorang daripada anggota gabungan anti LDP memperoleh inspirasi untuk melakukan pembaharuan sistem pilihan raya apabila Jepun digegarkan dengan skandal *Recruit*. Skandal tersebut tercetus apabila Perbadanan Recruit Jepun telah memberi rasuah politik berbentuk saham dan wang tunai dalam jumlah yang besar kepada ahli politik LDP. Noboru Takeshita yang merupakan perdana menteri pada ketika itu didapati bersalah apabila beliau disabitkan bersubahat menerima rasuah dan diarahkan meletakkan jawatan. Fenomena tersebut memberi ruang kepada Ozawa supaya pembaharuan sistem pilihan raya dilakukan dalam kadar segera agar rasuah politik dapat dihapuskan (Christensen 2000 : 12). Namun, secara realitinya, idea pembaharuan sistem pilihan raya bukanlah merupakan satu cadangan baru kerana isu tersebut sudah pun disuarakan pada 1925. Salah satu tujuan mengapa ahli politik terdahulu mencadangkan agar pembaharuan sistem pilihan raya dilakukan ialah untuk membendung gejala rasuah politik dan pendapat sedemikian diulang suara oleh Ozawa dengan mengekalkan intipati lama (Mitchell 1996 : 45).

⁴ Pakatan rakyat (PR) merupakan penjenamaan semula daripada Barisan Alternatif (BA). Secara dasarnya, BA ditubuhkan pada 4 April 1999 yang dianggotai oleh Parti Islam Se-Malaysia (PAS), Parti Tindakan Demokratik (DAP), Parti Keadilan Rakyat (KeADILan) dan Parti Rakyat Malaysia (PRM). Idea untuk menubuhkan BA tercetus apabila Anwar Ibrahim disingkirkan dari kerajaan BN kerana didapati bersalah terlibat dalam kes liwat (1) pada 20 September 1998 dan sebagai persediaan untuk menghadapi pilihan raya umum 1999. Kerjasama BA tergugat apabila DAP mengumumkan keluar daripada menjadi anggota gabungan pada 2001, tetapi kembali semula menganggotainya pada 2008. Sejak dari 2008, nama BA telah ditukarkan menjadi PR sesuai dengan misi kerajaan gabungan itu untuk menamatkan hegemoni BN sebagai kerajaan pemerintah.

⁵ Sistem 1955 memberi pengertian bahawa pada 15 November 1955, LDP secara rasmi telah dibentuk apabila Parti Liberal dan Parti Demokrat bersetuju untuk melakukan penggabungan dan menjalinkan kerjasama politik. Disebabkan LDP berjaya mengekalkan kuasanya melalui sistem pemerintahan satu parti selama 38 tahun (1955 – 1993), maka ramai penganalisis politik Jepun menggunakan singkatan sistem 1955 untuk merujuk kepada tempoh kekuasaan LDP.

⁶ Dalam dunia politik, Hosokawa boleh dikategorikan sebagai seorang muka baru walaupun sebelum ini beliau terkenal dengan pencapaiannya sebagai seorang reformis semasa menjadi gabenor Kumamoto di wilayah Kyushu. Tidak dinafikan sasaran Hosokawa untuk melakukan pembaharuan politik telah berkembang semasa beliau menjadi perdana menteri. Namun, ini tidak bermakna kabinet Hosokawa telah

berjaya melaksanakan pembaharuan dalam sistem pentadbiran kerajaan. Terdapat dua faktor yang menyebabkan kabinet Hosokawa gagal melaksanakan pembaharuan pentadbiran. Pertama, Japan Socialist Party (JSP) yang merupakan anggota gabungan kerajaan campuran terlalu bergantung kepada pertubuhan pekerja sektor awam untuk mendapatkan sokongan. Secara dasarnya, terdapat beberapa agenda yang berkaitan dengan pembaharuan sistem pentadbiran tidak begitu disenangi oleh pertubuhan pekerja. Oleh itu, sikap kebergantungan ini merupakan satu halangan kepada kabinet Hosokawa dan beliau gagal menggerakkan sebarang aktiviti untuk melakukan pembaharuan pentadbiran.

Kedua, Hosokawa lebih cenderung untuk melakukan pembaharuan polisi dari pembaharuan sistem pentadbiran kerana beliau berpendapat bahawa sistem yang sedia ada mampu menghasilkan sesuatu pembaharuan dalam jangka masa yang pendek. Hosokawa tidak begitu mempedulikan agenda pembaharuan untuk masa hadapan kecuali menumpukan perhatian kepada pemencaran (decentralization) pentadbiran sahaja (Ko Mishima 2004 : 379). Sebagai contoh, walaupun kabinetnya berhasrat untuk menubuhkan Suruhanjaya Pembaharuan Pentadbiran untuk menggantikan Third PCPAR (Third Provisional Council for the Promotion of Administrative Reform), skop tugas yang ditetapkan untuk suruhanjaya tersebut hanya berkisar kepada pembatalan kawal selia polisi dan penghasilan rang undang-undang baru. Walaupun Hosokawa tidak begitu berminat untuk melakukan pembaharuan pentadbiran, terdapat segelintir ahli politik dalam kerajaan gabungannya yang telah mengambil inisiatif sendiri untuk menjayakan agenda pembaharuan pentadbiran. Justeru, pada Februari 1994, kerajaan pemerintah bersetuju untuk mewujudkan sub jawatankuasa yang bertanggungjawab merealisasikan pembaharuan pentadbiran (*Yomiuri Shimbun* 17 Februari 1994). Walau bagaimanapun, kerajaan gabungan anti LDP telah kehilangan kuasa memerintah sebelum mereka berjaya melaksanakan agenda pembaharuan pentadbiran tersebut. Lihat *Nihon Keizai Shimbunsha* (1994 : 160 – 163 dan 213 – 217).

⁷ Menurut Kieve (1981) yang melakukan kajian politik di Belanda menegaskan bahawa kerjasama politik yang dibina di antara pemimpin daripada pelbagai kelompok bersifat rapuh dan ikatannya longgar. Fenomena ini memberi gambaran sebenar bagaimana kerjasama politik yang dibina itu hanya untuk memelihara *status quo* golongan elit pemerintah, kumpulan elit ahli perniagaan, kelas atasan dan kelompok konglomerat. Golongan kelas menengah dan bawahan masih bersaing sesama sendiri, enggan bekerjasama dan perasaan membenci antara satu sama lain tetap menyubur. Justeru, Kieve merumuskan bahawa kerjasama politik ini lebih cenderung kepada penonjolan kerjasama elit berbanding mencapai kata sepakat untuk menyelesaikan masalah rakyat. Untuk keterangan lanjut, lihat Nidzam Sulaiman (1999 : 16).

⁸ Hosokawa menyedari cabaran utama yang menanti dalam kepimpinannya ialah bagaimana hendak mengekalkan keharmonian dalam kerajaan campuran. Dari lapan parti politik yang menjadi anggota gabungan, hanya SP sahaja yang banyak menimbulkan kontroversi. Terdapat dua kejadian utama yang menyebabkan Hosokawa tidak dapat memaafkan tindakan SP kerana perbuatan mereka boleh menghancurkan ikatan perpaduan. Pertama, semasa dilakukan pengundian oleh pleno mesyuarat Dewan Negara pada Januari 1994 untuk meluluskan Rang Undang-Undang (RUU) pembaharuan politik, Hosokawa amat terkejut apabila mendapati RUU tersebut gagal mendapat kelulusan. Setelah diselidiki punca kegagalannya, didapati bahawa 12 dari 20 undi SP tidak menyokong RUU tersebut atau mereka bersikap berkecuali daripada membuang undi.

Kedua, Jepun telah didesak beberapa kali oleh negara-negara luar terutamanya dari Amerika Syarikat (AS) supaya meliberalisasikan pasaran beras. Agenda meliberalisasikan pasaran beras negara tidak dipersetujui oleh birokrat dari Kementerian Pertanian dan ahli politik yang mewakili penduduk kawasan luar bandar. Namun, tekanan demi tekanan yang diberikan oleh AS dan negara-negara maju yang lain telah menyebabkan kerajaan Hosokawa harus menerima hakikat bahawa pasaran beras negara mesti diliberalisasikan walaupun beliau menyedari keputusan yang bakal dilakukan amat sukar. Apabila Hosokawa telah bersedia untuk mengemukakan kepada AS dan negara Eropah mengenai kesediaan Jepun untuk membuka pasaran beras, SP telah membantah rancangan Hosokawa walaupun mereka sudah pun mengetahui keputusan kerajaan campuran anti LDP. Faktor utama yang menyebabkan SP tidak bersetuju dengan cadangan Hosokawa ialah kebanyakan ahli politik mereka datangnya daripada kawasan luar bandar. SP telah memberi kata dua kepada Hosokawa dan anggota gabungan yang lain bahawa mereka tidak teragak-agak untuk meninggalkan kerajaan campuran jika Hosokawa masih berdegil untuk meneruskan rancangannya. Ugutan yang diberikan oleh SP amat memeranjatkan semua pihak kerana tindakan SP boleh melumpuhkan kerajaan campuran anti LDP. Justeru, Hosokawa tidak mempunyai pilihan lain selain menangguhkan dulu keputusannya itu. Lihat Ishihara (1998 : 54).

⁹ Pendapatan utama Kementerian Kewangan ialah mengenakan cukai ke atas orang perseorangan dan syarikat perniagaan. Walau bagaimanapun, Kementerian Kewangan tidak bertindak seorang diri untuk memastikan rancangan mereka untuk menaikkan cukai berjaya dilaksanakan. Setelah sekian lama kementerian mencari siapakah ahli politik yang boleh berkompromi dengannya, maka akhirnya mereka menemui Ichiro Ozawa sebagai rakan sekutu yang sehaluan dengan mereka. Ozawa dan beberapa ahli politik lain telah diberi keyakinan oleh Kementerian Kewangan bahawa cukai pengguna harus dinaikkan jika kerajaan hendak memperseimbangkan ekonomi negara. Walaupun ketua parti yang lain amat berhati-hati dengan rancangan Kementerian Kewangan, tetapi Ozawa berpendirian sebaliknya. Beliau hendak melaksanakan cadangan menaikkan cukai dalam masa yang terdekat dan peratus kenaikan yang dicadangkan oleh beliau ialah dari 3% menjadi 10%. Ozawa telah menjelaskan dengan panjang lebar dalam bukunya mengapa cukai pengguna harus dinaikkan dan sekarang beliau sedang bekerjasama dengan Kementerian Kewangan untuk memberi tekanan kepada kerajaan gabungan supaya merealisasikan cadangan mereka. Tindakan Ozawa dan Kementerian Kewangan telah mendatangkan tekanan kepada Hosokawa. Sebagai seorang perdana menteri, beliau berhak menolak cadangan untuk menaikkan cukai. Tetapi, tekanan demi tekanan yang datang dari pelbagai sudut telah menyebabkan beliau gagal menghalang berlakunya kenaikan cukai. Lihat Curtis (1999 : 127).

¹⁰ Ozawa yang dianggap sebagai ketua dalam mengendalikan pentadbiran kabinet Hosokawa sering kali dikritik oleh ahli kabinet, rakyat, parti pembangkang dan pemerhati politik mengenai sikapnya yang bersifat kaku besi, lebih mementingkan pendapat daripada pihak pengurusan tertinggi parti berbanding masyarakat kebanyakan. Selain itu, Ozawa dan Ichikawa sering kali pergi ke suatu tempat yang dirahsiakan lokasinya daripada pengetahuan umum untuk membincang dan melakukan sesuatu keputusan. Pada kebiasaannya Ozawa akan membawa bersamanya para birokrat yang berkedudukan tinggi dan kaedah sedemikian telah juga diaplikasikan oleh Kakuei Tanaka semasa beliau menjadi Menteri Perdagangan dan Perindustrian Antarabangsa. Tanaka akan pergi ke tempat yang tidak diketahui umum untuk membincangkan pertikaian mengenai urusan perdagangan tekstil dengan AS pada tahun 1970-an. Oleh itu, tidaklah menghairankan jika Ozawa mengikuti kaedah Tanaka kerana kedua-dua mereka pernah berada dalam parti yang sama sebelum Ozawa bertindak keluar dari LDP (Otake 1979).

¹¹ Terdapat pelbagai konflik dalaman yang tercetus antara Ozawa dengan Takemura dan konflik yang menyebabkan Takemura gagal mengawal perasaan marahnya ialah apabila Ozawa bertindak sebagai jurucakap kepada Kementerian Kewangan dalam urusan untuk menaikkan kadar cukai pengguna. Tidak dinafikan bahawa kerajaan gabungan anti LDP bercadang hendak menaikkan kadar cukai dari 3% ke 5%. Tetapi, Ozawa bertegas bahawa kadar cukai harus dinaikkan di antara 7% - 10% dan beliau telah memberi pelbagai alasan yang rapuh untuk menyokong hujahnya. Fenomena ini memberi tekanan kepada Hosokawa, Takemura dan anggota gabungan yang lain. Justeru, konflik dalaman boleh dihindarkan jika setiap anggota gabungan bersetuju bertolak ansur, berbincang dan mencari jalan penyelesaian yang terbaik dalam menyelesaikan sesuatu masalah. Namun, senario ini tidak berlaku kerana setiap anggota gabungan cuba menjadi wira dan mempertahankan sesuatu hujah tanpa memikirkan kesannya. Untuk keterangan lanjut, lihat Curtis (1999 : 128 & 132).

¹² Dalam pilihan raya umum ke-12 (PRU 12) 2008, BN mendapat 28 kerusi, PKR 7 kerusi, PAS 6 kerusi manakala DAP 18 kerusi. Jika dilihat daripada jumlah kerusi yang diperolehi, DAP sepatutnya dilantik menjadi Menteri Besar (MB) negeri Perak. Tetapi, masalah yang menghalang DAP dari menjadi MB ialah mereka tidak mempunyai calon berbangsa Melayu dan undang-undang tubuh negeri Perak juga tidak membenarkan jawatan MB disandang oleh mereka yang bukan berbangsa Melayu. Justeru, sebagai jalan penyelesaian terhadap kemelut tersebut, PAS diberi kepercayaan untuk menjadi MB atas dasar kredibiliti Mohammad Nizar Jamaluddin walaupun PKR mendapat jumlah kerusi yang lebih berbanding PAS. Peraturan tersebut mendapat persetujuan umum dan tiada sebarang bantahan daripada mana-mana parti politik.

¹³ Di antara ahli politik PR yang memenangi pilihan raya umum 2008, ahli politik PKR dikategorikan sebagai ahli politik yang mempunyai sahsiah diri yang rendah, tiada pendirian, tamak kuasa dan mudah menjual maruah diri hanya diumpan dengan habuan yang tidak begitu lumayan berbanding yang lain. Antara ahli Parlimen PKR yang melompat parti dan mengisytiharkan calon bebas ialah Zahrain Mohd Hashim (Bayan Baru), Tan Tee Beng (Nibong Tebal), Mohsin Fadzil Shamsuri (Bagan Serai), Zulkifli Nordin (Kulim-Bandar Baru), Wee Choo Keong (Wangsa Maju) dan N. Gobalakrishnan (Padang Serai). Manakala ADUN PKR yang melompat parti dan menjadi calon bebas ialah Jamaluddin Mohd Radzi (Behrang), Mohd Osman Mohd Jailu (Changkat Jering), Gabriel Adit Demong (Ngemah), Badrul Hisham

Abdullah (Pelabuhan Klang) dan V. Arumugam (Bukit Selambau). Kesemua mereka akan mencipta alasan yang pada logiknya tidak boleh diterima oleh akal seperti hilang kepercayaan kepada parti dan bosan dengan cara pentadbiran parti. Kesemua alasan tersebut hanya untuk menghalalkan perbuatan mereka dan cuba melarikan diri daripada dicemuh oleh rakyat. Untuk keterangan lanjut, lihat malaysiakini.com (29 Januari 2011) dan idealismalaysia.blogspot.com (8 Mac 2010).

¹⁴ Tiga orang ADUN daripada PR yang melompat parti dan sekali gus memberi sokongan kepada BN ialah Mohd Osman Mohd Jailu (PKR Changkat Jering), Jamaluddin Mohd Radzi (PKR Behrang) dan Hee Yit Foong (DAP Jelapang). Perbuatan melompat parti telah mendatangkan kemarahan kepada pengundi kerana wakil rakyat yang mereka pilih telah mengkhianati janji mereka semasa kempen pilihan raya umum. Selain itu, pengundi melihat ADUN yang melompat parti lebih mementingkan kepentingan peribadi daripada melaksanakan tanggungjawab sebagai seorang wakil rakyat.

¹⁵ Ahli politik yang berperanan sebagai penaung dan mempunyai ilmu akademik yang tinggi disifatkan sebagai satu bonus kepada mereka kerana jika beliau tidak lagi menjadi seorang ketua, maka beliau masih lagi boleh bekerja berdasarkan kepada ilmunya. Sebagai contoh, kajian yang dilakukan oleh Scalapino dan Junnosuke Masumi (1964 : 62) mendapati bahawa kebanyakan ahli politik Jepun mempunyai taraf akademik lulusan universiti. Salah satu tujuan syarat sedemikian ditetapkan ialah supaya keterampilannya sebagai seorang pemimpin akan menonjol dan beliau dihormati oleh masyarakat.

Sebagai contoh lain, ramai ahli politik parti pembangkang di Malaysia mempunyai kelayakan sebagai doktor, peguam dan pekerja profesional. Kebanyakan daripada mereka pernah bekerja dalam sektor kerajaan atau swasta atau menjalankan perniagaan sendiri sebelum menceburi bidang politik. Ilmu pengetahuan yang dimiliki oleh mereka telah memberi satu kelebihan kepada mereka untuk menonjolkan diri sebagai seorang pemimpin. Selain itu, mereka boleh memberi bantuan ilmu pengetahuan kepada pengikutnya dan ini secara tidak langsung boleh memperkukuhkan hubungan dua hala. Terdapat juga cadangan dari parti pemerintah untuk mewajibkan semua calon yang akan bertanding dalam pilihan raya harus mempunyai taraf akademik bertaraf universiti. Ini bertujuan supaya perwatakan mereka sebagai seorang pemimpin akan dihormati oleh rakyat jika mereka dipilih dalam pilihan raya. Namun, cadangan tersebut masih lagi dalam bentuk cadangan dan belum lagi dikuatkuasakan oleh parti pemerintah (Saiyid Radzuwan 2014 : 107).

¹⁶ Antara kawasan yang melibatkan pertandingan tiga penjurua antara PAS-PKR-BN dalam PRU 13 ialah Kota Damansara, Sungai Acheh, Seberang Takir, Labuan, Panti, Bukit Besi dan Kota Putera. Sebagai contoh, Kota Damansara merupakan kawasan PKR dan jika PAS mematuhi memorandum persefahaman yang dipersetujui semasa mesyuarat PR, maka PKR boleh mengulangi kejayaan yang sama sewaktu PRU 12. Begitu juga senario di Sungai Acheh di mana PR dijangka merampas kerusi dari BN dengan isu-isu semasa yang lebih menguntungkan PR berbanding BN. Namun, tindakan PAS meletakkan calonnya telah memusnahkan harapan PR dan peristiwa ini meninggalkan kesan buruk terhadap persahabatan PR. Ada maklumat mengatakan bahawa kawasan Sungai Acheh diberikan kepada PAS dan PKR diklasifikasikan sebagai penghalang kepada kemenangan. Namun, kesahihan maklumat tersebut dikategorikan sebagai alasan daripada mendapatkan jawapan sebenar dan tiada mana-mana pihak yang dapat membuktikan kebenaran kenyataan itu.

¹⁷ Tan Sri Khalid Ibrahim (TSKI) merupakan seorang pemimpin dunia korporat yang disegani dan beliau banyak memegang jawatan berprestij dalam syarikat gergasi bertaraf multinasional sebelum menceburi bidang politik. Umum diketahui senario yang berlaku dalam dunia korporat adalah berbeza sama sekali dengan dunia politik. Dunia politik penuh dengan tipu muslihat dan seseorang ahli politik itu mesti mahir bermain politik untuk menjaga survival kerjayanya. Ada kebarangkalian TSKI beranggapan dirinya sudah cukup berjaya dalam dunia korporat dan ilmu yang ada dalam dirinya akan diperkembangkan dalam dunia politik. Namun, secara realitinya, TSKI masih gagal diklasifikasikan sebagai seorang ahli politik yang hebat seperti Nik Aziz Nik Mat dan Mahathir Mohamad. Justeru, TSKI dinasihatkan agar melepaskan jawatan sebagai MB semasa penggal keduanya kerana pihak pengurusan PKR mendapati beliau gagal mempamerkan prestasi yang cemerlang sebagai ketua kerajaan negeri. Terdapat dua isu kontroversi yang dianggap sebagai penyebab mengapa TSKI perlu diganti dengan orang baru dan isu itu ialah KIDEX (Kinrara Damansara Expressway) dan Projek Langat 2 (amenoworld.net 12 Ogos 2014).

¹⁸ Untuk menggantikan TSKI sebagai MB, PKR telah mengatur beberapa strategi politik dan salah satu kaedahnya ialah memaksa Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) mengadakan pilihan raya kecil (PRK) Kajang. Secara dasarnya, Kajang dimenangi oleh Lee Chin Cheh dari PKR dan beliau diminta untuk mengosongkan kerusi Kajang bagi membolehkan Anwar Ibrahim bertanding di situ. Menurut perancangan PKR, jika

Anwar memenangi PRK tersebut, maka beliau akan dilantik menjadi MB Selangor yang baru. Namun, BN dengan pantas menghidu malapetaka yang bakal melanda parti mereka jika Anwar menjadi MB Selangor. Justeru, untuk menghalang Anwar daripada bertanding dalam PRK Kajang, maka BN telah mewujudkan konspirasi terancang dengan menyabitkan Anwar bersalah dalam kes liwat 2. Oleh itu, Anwar hilang kelayakan untuk bertanding dan tempat beliau digantikan oleh WAWI. PRK Kajang tidak semeriah seperti yang dinanti-nantikan oleh rakyat Malaysia kerana pada ketika PRK Kajang hendak dilakukan, Malaysia digemparkan dengan tragedi kehilangan kapalterbang MAS MH 370. Peristiwa ini menenggelamkan kehangatan PRK Kajang dan rakyat, surat khabar, media dan sistem telekomunikasi lebih memberi fokus kepada misteri kehilangan MH 370 berbanding PRK Kajang (The Malaysian Insider 23 September 2014).

¹⁹ Sebagai perbandingan, Mulgan (2000 : 70) dalam kajiannya mengenai politik Jepun mendapati tujuan utama parti pemerintah menjalinkan kerjasama dengan parti pembangkang ialah sebagai satu strategi untuk melemah dan memecahbelahkan kekuatan parti pembangkang. Jika parti pembangkang tidak mempunyai suara yang kuat dalam Parlimen, maka ini merupakan satu bonus kepada parti pemerintah. Curtis (1999 : 217) pula dalam kajiannya menegaskan objektif utama parti pemerintah bekerjasama dengan parti pembangkang ialah untuk mengucar kacirkan ikatan gabungan parti pembangkang. Justeru, ramai elit politik yang berfikiran sekular melihat konsep gabungan merupakan satu jambatan kepada mereka untuk melebarkan lagi kepentingan peribadi dan memperkukuhkan kuasa yang sedia ada dalam genggamannya daripada memperjuangkan nasib massa.

²⁰ Majlis Pimpinan Pakatan Rakyat (MPPR) terdiri daripada PAS-PKR-DAP dan mereka telah mengadakan perjumpaan untuk menyelesaikan isu hudud dan pilihan raya pihak berkuasa tempatan (PBT) pada 8 Februari 2015. Hasil dari perjumpaan tersebut mendapati bahawa semua keputusan yang dibuat oleh MPPR haruslah berdasarkan kepada prinsip muafakat, semangat saling menghormati dan segala keputusan yang dimuktamadkan mesti dipatuhi untuk mengekalkan keutuhan PR (msomelayu.blogspot.com 8 Februari 2015). Namun, PAS telah mengkhianati nilai permuafakatan tersebut apabila mereka tetap bertegas hendak membentangkan rang undang-undang hudud tanpa memaklumkan kepada rakan gabungannya. Tindakan PAS mendapat kritikan daripada pelbagai pihak dan isu ini masih menjadi bahan perbualan dalam kalangan mereka yang mengikuti perkembangan politik tanah air.

²¹ Contoh yang paling sesuai untuk melihat bagaimana politik kotor diaplikasikan dalam dunia politik ialah menerusi politik gaya Machivelli. Kaedah berpolitik Machiavelli bertujuan menerangkan pelbagai adegan dan aliran termasuk taktik kotor yang diperguna dan diperlakukan oleh manusia dalam politik. Malahan pemikiran dan perlakuan ini menjadi sebahagian daripada berpolitik itu sendiri. Tanpa pendekatan, taktik dan pembabitian politik putar belit tersebut, maka seolah-olah politik sebagai bidang kehidupan yang tidak lagi wujud. Untuk keterangan lanjut, lihat Saiyid Radzuwan (2014 : 81).

²² Pertemuan secara bersemuka memberi makna penaung (baca : ketua) itu sendiri yang akan datang berjumpa dengan penaungnya (baca : pengikutnya). Terdapat juga kejadian di mana penaung menghantar wakil untuk berjumpa dengan dinaungnya dan fenomena sedemikian tidak diklasifikasikan sebagai ciri-ciri penaung dinaung dalam kajian sains politik. Mengapakah perlu penaung berjumpa dengan dinaung secara bersemuka dan bukan wakilnya yang berbuat sedemikian? Dinaung berharap penaungnya boleh meluangkan masa untuk bersemuka dengan mereka kerana dengan cara sedemikian, segala masalah yang timbul boleh dicari jalan penyelesaian. Selain dari itu, hubungan dua hala antara penaung dengan dinaung akan bertambah erat dan perbuatan ini akan memberi kesan positif ke atas ikatan hubungan penaung dinaung.

Sebagai contoh lain, ketua organisasi dalam jabatan kerajaan atau persatuan harus mempengerusikan mesyuarat utama jabatan dan beliau tidak boleh menghantar wakil untuk menggantikannya. Tindakan memberi kuasa kepada wakilnya untuk mempengerusikan mesyuarat yang penting itu disifatkan sebagai satu tindakan yang tidak memberi manfaat kepada organisasi kerana keputusan penting mesyuarat harus dilakukan oleh ketua dan bukan wakilnya. Jika mesyuarat itu masih dijalankan dengan dipengerusikan oleh wakilnya, maka mesyuarat tersebut boleh disama ertikan sebagai satu tindakan untuk bertukar-tukar fikiran sahaja dan bukannya pertemuan untuk menyelesaikan sesuatu masalah (Saiyid Radzuwan 2014 : 106).

²³ Konflik yang berlaku antara Ketua Menteri Pulau Pinang, Lim Guan Eng (LGE) dengan Presiden Pas, Tuan Guru Hadi Awang (TGHA) semakin hari semakin kritikal dan ramai penganalisis politik melihat persengketaan tersebut harus diselesaikan secara bijak bagi menjaga keharmonian PR. Sebagai contoh, krisis terbaru yang mengakibatkan ikatan gabungan PR terus bergolak ialah mengenai RUU hudud. Menurut hasil perbincangan dalam mesyuarat Jawatankuasa Kerja Pusat (CEC), DAP menegaskan bahawa mereka akan meneruskan kerjasama bersama PR tetapi dalam masa mereka hilang keyakinan terhadap

TGHA disebabkan perwatakannya yang sering menimbulkan pelbagai persoalan. Terdapat tiga alasan mengapa DAP hilang keyakinan terhadap TGHA,

a) mengkhianati keputusan bersama Majlis Pimpinan Pakatan Rakyat (MPPR) dalam mencalonkan WAWI sebagai calon tunggal PR untuk jawatan MB Selangor dan perbuatan TGHA hampir melumpuhkan kerajaan PR Selangor.

b) kegagalan TGHA menepati kata-katanya sendiri semasa MPPR pada 8 Februari 2015 di mana Enakmen Kanun Jenayah Syariah II Kelantan 2015 bakal dibincangkan dalam MPPR

c) Pemohonan TGHA ke parlimen pada 18 Mac 2015 untuk membentangkan RUU persendirian tanpa terlebih dahulu memberi penjelasan dan menerangkan kepada Jawatankuasa Pusat PAS serta MPPR

Selanjutnya, DAP memberi penegasan bahawa semua parti komponen PR harus berpegang kepada semangat dasar bersama melalui muafakat yang berkisar pada amanah dan sifat saling menghormati dalam MPPR (MalaysianInsider.com 24 Mac 2015).

²⁴ Kenyataan mengenai biar gagal ke Putrajaya asalkan agama Islam (baca : hudud) dapat ditegakkan di Kelantan merupakan ungkapan Timbalan Menteri Besar Kelantan, Nik Amar Nik Abdullah. Secara dasarnya, setiap kenyataan yang dikeluarkan oleh pemimpin tertinggi parti sudah semestinya mendapat persetujuan daripada presiden parti. Seseorang pemimpin tertinggi parti tidak boleh dengan sewenang-wenangnya mengeluarkan kenyataan tanpa terlebih dahulu merujuk kepada ketuanya kerana perbuatan sedemikian boleh memberi impak negatif terhadap reputasi parti. Nik Amar menegaskan tiada gunanya PR menguasai Malaysia sekiranya cita-cita PAS untuk melaksanakan hudud gagal dilaksanakan. Beliau juga percaya bahawa hudud tetap gagal dilaksanakan di Malaysia walaupun PR memerintah Malaysia kerana wujudnya halangan daripada PKR dan DAP. Pandangan Nik Amar boleh menjejaskan ikatan hubungan PR dan Presiden PAS seharusnya memantau sebarang kenyataan yang dikeluarkan oleh ahli partinya agar ikatan kerjasama PR tidak terjejas (freemalaysiatoday.com 24 Disember 2014).

SENARAI RUJUKAN

Asahi Shimbun. 23 November 1995 : 2.

Austin, Lewis. 1975. *Saints and Samurai : the political culture of the American and Japanese elites*. New Haven and London : Yale University Press.

Axelrod, Robert. 1970. *Conflict of interest : a theory of divergent goals with applications to politics*. Berkeley : University of California Press.

Ball, Alan R. 1993. *Politik dan kerajaan moden*. Terj. S. Ahmad Hussein, Loh Foon Fong & Wong Seat Tho. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa & Pustaka.

Boissevain, Jeremy. 1978. *Friends of friends : network, manipulators and coalitions*. Oxford : Basil Blackwell.

Christensen, Ray. 2000. *Ending the LDP hegemony. Party cooperation in Japan*. Honolulu : University of Hawaii Press.

Curtis, Gerald L. 1988. *The Japanese way of politics*. New York : Columbia University Press.

_____. 1999. *The logic of Japanese politics. Leaders, institutions and the limits of change*. New York : Columbia University Press.

DAP tamatkan kerjasama dengan Hadi, kekal dalam Pakatan. (atas talian) www.themalaysianinsider.com (24 Mac 2015).

Eileen Ng. 2014. Azmin jadi MB, langkah Kajang gagal, kata penganalisis. (atas talian) <http://themalaysianinsider.com> (23 September 2014).

Ishihara Nobuo. 1998. *Kan kaku aru beshi* (The way the bureaucrats should be). Tokyo : Shogakukan.

Kieve, Ronald. A. 1981. Pillars of sand : a Marxist critique of consociational democracy in the Netherlands. *Comparative Politics*. **13** (3) : 313 – 337.

Ko Mishima. 2004. The politics of political reform in Japan : The case of the central government reform : 1993 – 2003. Tesis Ph.D. Baltimore, Maryland.

_____. 2005. The failure of Japan's political reform. *World Policy Journal*. **22** (4) : 47 – 54.

Lijphart, Arend. 1969. Consociational democracy. *World Politics*. **21** (2) : 207 - 224.

_____. 1975. *The politics of accommodations*. Berkeley : University of California Press.

_____. 1977. *Democracies in plural societies : a comparative exploration*. New Haven : Yale.

_____. 1984. *Democracies : patterns of majoritarian and consensus government in twenty-one countries*. New Haven : Yale University Press.

Machiavelli, Niccolo. 1989. *Penguasa*. Terj. Muhammad Abu Bakar. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa & Pustaka.

Masayoshi Takemura. 1994. *Chiisakutomo kirarito hikaru kuni Nihon*. Tokyo : Kobunsha.

Mitchell, Richard H. 1996. *Political bribery in Japan*. Honolulu : University of Hawaii Press.

Mesyuarat Majlis Pakatan Rakyat lancar, mesyuarat lanjut selepas 10 Februari. (atas talian) mosmelayu.blogspot.com (8 Februari 2015).

MP Padang Serai umum keluar PKR. (atas talian) www.malaysiakini.com (29 Januari 2011).

Mulgan, Aurelia George. 2000. The dynamics of coalition politics in Japan. *Asia-Pacific Review*. **7** (2) : 66 – 85.

Nihon Keizai Shimbunsha. 1994 : 160-163 & 213-217.

Nidzam Sulaiman. 1999. Kaum dan kelas : pendekatan popular melihat politik gabungan Malaysia. Dlm. Ghazali Mayudin (pnyt.). *Teori sains politik pilihan: aplikasinya dalam konteks Malaysia*. Bangi : Penerbit UKM.

Nonaka Naoto. 1995. *Jiminto seikenka no seiji eriito* (Political elites under LDP rules). Tokyo : Tokyo Daigaku Shuppankai.

_____. 2000. Characteristics of the decision-making structure of coalitions. Dlm. Otake Hideo (pynt.). *Power shuffles and policy processes : coalition government in Japan in the 1990s*. Japan : Japan Center for International Exchange.

Otake Hideo. 1979. *Gendai Nihon no seiji kenryoku keizai kenryoku* (Political and economic power in contemporary Japan). Tokyo : San'ichi Shobo.

_____. 2000. Political realignment and policy conflict. Dlm. Otake Hideo (pnyt.). *Power shuffles and policy processes. coalition government in Japan in the 1990s*. Japan : Japan Center for International Exchange.

Saiyid Radzuwan Syed Sopi. 2014. Kejatuhan dan kebangkitan semula LDP : analisis mengenai politik gabungan Jepun (1993-2006). Tesis Ph.D. UKM, Bangi.

Scalapino, Robert A. & Junnosuke Masumi. 1964. *Parties and politics in contemporary Japan*. Berkeley and Los Angeles CA : University of California Press.

Schlesinger, Jacob M. 1997. *Shadows shogun : the rise and fall of Japan's postwar political machine*. New York : Simon & Schuster.

Selepas KIDEX, PR dan Azmin U-turn dalam projek Langat 2. (atas talian) www.amenoworld.net (15 Nov 2014).

Senarai ADUN, ahli Parlimen (MP) dan pimpinan PKR keluar parti. (atas talian) idealismalaysia.blogspot.com (8 Mac 2010).

Syukri Razez. 2014. Sedarlah Nik Amar, 53% rakyat Malaysia mahu Pakatan ke Putrajaya. (atas talian) www.freemalaysiatoday.com (24 Disember 2014).

Tsebelis, George. 1995. Decision making in political system : veto players in presidentialism, Parliamentarism. multicameralism and multipartism. *British Journal of Political Science*. **25** (3) : 289 – 325.

Yomiuri Shimbunsha. 17 Februari 1994.